

TERUS MENERAJU
LAPORAN TAHUNAN 2007

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGERUSI	4	MENANGANI ISU-ISU INDUSTRI	35
ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA	12	■ Rundingan Semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA)	35
PENGURUSAN SURUHANJAYA TENAGA	16	■ Kesan Kenaikan Harga Bahan Api Gas	35
PERISTIWA PENTING	18	■ Arahan Gagal Menghantar	35
PERKEMBANGAN DALAM INDUSTRI	22	MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA	37
■ Situasi Pembekalan Dan Permintaan Elektrik	22	MENANGANI CABARAN KESELAMATAN	39
■ Prestasi Pembekalan Elektrik	23	■ Mengurangkan Kemalangan Elektrik	39
■ Pembekalan Bahan Api Untuk Sektor Penjanaan	26	■ Meningkatkan Pematuhan Terhadap Kehendak Perundangan	40
■ Situasi Pembekalan Dan Permintaan Gas Berpaip Di Sektor Bukan Tenaga	30	■ Memupuk Kesedaran Keselamatan	42
■ Prestasi Industri Pembekalan Gas Berpaip	30	MENGELUARKAN PERAKUAN-PERAKUAN MENGIKUT KEHENDAK PERUNDANGAN	43
MENERUSKAN INISIATIF TRANSFORMASI INDUSTRI	32	MENGGALAKKAN KECEKAPAN TENAGA	47
■ Menggarap Arah Tuju Industri	32	MENGUKUHKAN ORGANISASI DALAMAN	48
■ Memantapkan Kerangka Kawalselia	32	■ Penstrukturan Semula Organisasi	48
■ Membuat Kajian Semula Ke Atas Rejim Kawalselia Keselamatan	32	■ Kajian Semula Terma Dan Syarat Perkhidmatan	48
■ Membuat Kajian Semula Ke Atas Kanun Grid Dan Kanun Pengagihan	32	■ Pembangunan Keupayaan Warga Kerja	48
■ Menetapkan Standard Voltan Bekalan	33	■ Penambahbaikan Sistem	49
■ Menetapkan Faktor Kuasa Pengguna-Pengguna Voltan Tinggi	33	KALENDAR AKTIVITI 2007	50
■ Memperkenalkan Tahap Perkhidmatan Minimum Dan Tahap Pembekalan Yang Dijamin	33	PENYATA KEWANGAN	58
■ Menyeragamkan Format Laporan Prestasi Loji-Loji Penjanaan	33		
■ Menyediakan Pelan Penjanaan Bekalan Elektrik	34		

LAPORAN TAHUNAN SURUHANJAYA TENAGA 2007

Laporan Tahunan Suruhanjaya Tenaga 2007 ini dikemukakan kepada Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi selaras dengan peruntukan Seksyen 33(3) Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 iaitu "Suruhanjaya Tenaga hendaklah mengemukakan satu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan satu salinan laporan juruaudit kepada Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi untuk dibentangkan di Parlimen beserta dengan laporan aktiviti Suruhanjaya Tenaga bagi tahun kewangan sebelumnya."



menuju matlamat

PERUTUSAN PENGERUSI



DATO' IR. PIAN BIN SUKRO
Pengerusi Suruhanjaya Tenaga

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 5.2% pada tahun 2007 dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu serta harga minyak yang terus meningkat. Kenaikan harga minyak yang melebihi paras USD80 setong pada tahun 2007, telah memberi kesan dari segi peningkatan pembiayaan subsidi minyak dan gas yang ditanggung oleh Kerajaan. Kenaikan tersebut juga turut mempengaruhi kenaikan harga bahan api lain, terutama gas dan arang batu, yang merupakan sumber utama yang digunakan bagi menjana kuasa elektrik di Semenanjung Malaysia.

Kenaikan harga sumber tenaga yang semakin tidak menentu menekankan perlunya usaha ke arah transformasi industri pembekalan elektrik dipercepatkan. Usaha tersebut telah dimulakan pada tahun lepas ke arah penjajaran semula Industri Pembekalan Elektrik Malaysia menerusi inisiatif menyelaraskan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA), menetapkan harga bahan api pada paras yang sewajarnya, serta memitigasikan impak daripada kekangan bekalan gas dan lebih kapasiti penjanaan, seperti mana dinyatakan dalam perutusan saya pada

tahun lepas. Berlandaskan komitmen Kerajaan, Suruhanjaya terus melangkah ke hadapan dalam usaha tersebut, antara lain, dengan menjalankan penilaian dan analisis mendalam untuk menghasilkan cadangan kaedah penyelesaian yang terbaik dalam menangani isu-isu yang telah lama melanda industri tenaga negara.

Penilaian dan kajian yang dijalankan juga telah dapat membantu Suruhanjaya memberi nasihat dan input secara berkesan bagi mencapai matlamat tersebut. Pandangan profesional dan bebas Suruhanjaya telah disampaikan kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam industri tenaga, termasuk melalui forum, seminar atau persidangan yang dianjurkan. Selain dari itu, Suruhanjaya turut menyampaikan perakuan dan cadangan dalam menangani pelbagai isu bekalan dan rancangan masa depan bekalan. Pandangan yang sama turut dibentangkan di pelbagai peringkat Jawatankuasa tertinggi Kerajaan, seperti Jawatankuasa Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET), Jawatankuasa Kabinet Mengenai Tenaga dan Mesyuarat Antara tiga (3) Menteri.

“ Kenaikan harga sumber tenaga yang semakin tidak menentu menekankan perlunya usaha ke arah transformasi industri pembekalan elektrik dipercepatkan. Usaha tersebut telah dimulakan pada tahun lepas ke arah penjajaran semula Industri Pembekalan Elektrik Malaysia menerusi inisiatif menyelaraskan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA), ”

Isu bekalan gas dan subsidi harga gas terus diberi perhatian serius oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2007. Kajian dan analisis mengenai isu-isu tersebut telah dapat merumuskan pendekatan dan kaedah yang bersesuaian bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi untuk semua sektor yang terlibat (sektor tenaga dan bukan tenaga). Rumusan dan cadangan Suruhanjaya turut dibentangkan untuk dikongsi bersama dengan Panel Perunding Tenaga bagi memberi pendedahan dan maklumat tepat kepada ahli-ahli, yang mewakili *stakeholders* industri tenaga, sama ada daripada sektor awam atau swasta. Saya turut gembira melalui panel tersebut, semua pihak yang terlibat telah sama-sama memahami isu-isu semasa yang dihadapi industri dan telah memberi kerjasama yang menggalakkan untuk mencari jalan penyelesaian.

Pada tahun 2007, usaha ke arah menyeragamkan PPA yang telah bermula pada tahun sebelumnya diteruskan melalui rundingan semula dengan Penjana-penjana bebas (IPP). Rundingan semula tersebut juga bertujuan untuk mendapatkan cadangan dan pandangan pihak industri dalam usaha memperkemas rangka kawalselia industri tenaga. Dalam hal ini, hasil kajian penilaian prestasi teknikal dan kewangan IPP yang dijalankan pada tahun 2006 telah dijadikan asas kepada rundingan semula PPA. Rundingan semula tersebut turut menghasilkan

cadangan untuk menukar kaedah pengurangan bayaran kapasiti yang berasaskan prinsip potongan mudah kepada kaedah mengikut tempoh lesen / PPA. Bagaimanapun, oleh kerana rundingan semula tersebut tidak dapat mencapai kata sepakat sepenuhnya, pada Mac 2007, Jemaah Menteri memutuskan rundingan tersebut diberhentikan dan membuat keputusan menaikkan kadar sumbangan IPP kepada Tabung Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).

Tahun 2007 juga mencatatkan era baru Suruhanjaya Tenaga dengan pelancaran Visi dan Misi yang menunjukkan dengan jelas arah tuju sektor tenaga yang dikawalselia oleh Suruhanjaya, dengan matlamat mengimbangi keperluan pengguna dan pembekal bagi memastikan bekalan yang selamat dan terjamin pada harga yang berpatutan, melindungi kepentingan awam, menggerak pembangunan ekonomi dan pasaran kompetitif serta menjaga alam sekitar. Saya berasa bangga kerana Visi dan Misi baru Suruhanjaya telah dilancarkan oleh YB Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi di Majlis Aspirasi Suruhanjaya Tenaga pada akhir tahun tersebut.

// Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, fokus untuk sektor tenaga khususnya sektor bekalan elektrik adalah untuk memastikan sekuriti dan dayaharap (*reliability*) bekalan elektrik pada harga yang paling rendah (*least cost*). //

Pada hemat saya, perubahan dan kemajuan industri yang ingin diperkenalkan oleh Suruhanjaya perlu dimulakan dengan perubahan dalaman Suruhanjaya sendiri. Selaras dengan objektif tersebut serta sejajar dengan kehendak perundangan sedia ada, Suruhanjaya telah menstruktur semula organisasinya. Kajian secara menyeluruh, yang meliputi penilaian semula keperluan sumber manusia dan perjawatan serta terma dan perkhidmatan, telah dimulakan bertujuan untuk menyediakan satu kumpulan warga kerja Suruhanjaya yang berwibawa. Struktur perjawatan dan tanggungaji yang lebih menarik dengan berasaskan kompetensi juga dicadangkan bagi menarik tenaga kerja yang bersesuaian dan berpengalaman dari luar. Di samping itu, penekanan juga diberi kepada usaha peningkatan kapasiti tenaga kerja dalaman melalui program latihan, khasnya penyertaan dalam kursus-kursus yang berkaitan dengan aspek pengawalseliaan ekonomi yang dianjurkan oleh institusi terkenal di luar negara, seperti ERRR, EAPIRF, ADICA *Consulting* (*WASP Generation Capacity Planning*), dan kursus-kursus berkaitan tugas penguatkuasaan keselamatan elektrik dan gas.

Tanpa menoleh semula ke belakang, Suruhanjaya terus membuat pelbagai persediaan bagi menghadapi cabaran masa depan sektor tenaga. Melalui rancangan penubuhan kursi Ekonomi Tenaga, yang merupakan bidang yang menggabungkan kepakaran

dalam kejuruteraan, ekonomi, sains dan statistik, saya percaya potensi modal insan tempatan mampu dibangunkan yang dapat mengukuh dan membina penyelidikan dalam bidang tersebut secara lebih berkesan. Sehingga kini, belum ada mana-mana universiti di Malaysia yang menjalankan kajian meliputi perancangan serta hubungkait ekonomi dan tenaga sebagai satu disiplin pengajian. Usaha ini juga diharap akan dapat membangunkan badan ilmiah dalam bidang tenaga di negara ini. Kepakaran tempatan dalam perancangan tenaga negara akan dapat dikembang dan dipertingkatkan untuk menyumbang idea-idea bernas ke arah menggalakkan pembangunan industri tenaga yang berdaya maju, berkualiti dan berkesan dari segi kos.

Tidak dapat dinafikan banyak lagi cabaran yang harus dihadapi dalam usaha untuk memajukan industri tenaga negara, sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan. Dalam hal ini, saya berpandangan perubahan ke arah operasi pasaran elektrik umpamanya harus ditangani bersama oleh semua pihak dengan teliti bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dalam bentuk yang akan mendatangkan kebaikan kepada semua pihak. Perancangan rapi secara menyeluruh juga adalah penting sebagai landasan untuk mewujudkan dasar tenaga negara. Ke arah tersebut, pada tahun 2007, perancangan bagi penyediaan *blueprint* tenaga yang merangkumi semua aspek

pembekalan dan penggunaan tenaga telah dimulakan dan perjanjian persefahaman dengan pihak perunding telah ditandatangani. *Blueprint* tersebut diharap dapat menggariskan langkah-langkah strategik ke arah melahirkan sistem pengurusan bekalan tenaga negara yang mapan serta penggunaan yang cekap dan lestari dalam pelbagai sektor ekonomi, termasuk sektor perindustrian, pengangkutan dan komersial. *Blueprint* ini diharap akan dijadikan sumber rujukan utama bagi semua pihak yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan industri tenaga negara.

Bagi memastikan pengawalseliaan tenaga dapat dilaksanakan secara adil dan saksama, Kanun Grid dan Kanun Pengagihan, yang merupakan instrumen pengawalseliaan industri bekalan elektrik yang penting, masing-masing turut dikaji semula dan dibangunkan, untuk menangani perkembangan terkini dalam industri. Inisiatif tersebut telah dimulakan pada akhir tahun 2007 dengan objektif untuk menyediakan kesamarataan untuk semua penggiat industri. Langkah ini juga diharap dapat membantu untuk melahirkan satu sistem bekalan elektrik negara yang telus, berdayaharap dan kompetitif.

Sepanjang tahun 2007 juga, Suruhanjaya Tenaga turut memberi perhatian serius kepada isu kekurangan bekalan elektrik di Sabah. Memandangkan keadaan bekalan di negeri tersebut berada di tahap yang

membimbangkan, pemantauan bekalan secara rapi dan berkala telah dimulakan pada awal tahun. Beberapa cadangan dan rumusan juga telah dimajukan untuk pertimbangan dan keputusan Kerajaan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, fokus untuk sektor tenaga khususnya sektor bekalan elektrik adalah untuk memastikan sekuriti dan dayaharap (*reliability*) bekalan elektrik pada harga yang paling rendah (*least cost*). Dalam hal ini, pembangunan projek hidroelektrik Bakun untuk membekal ke Semenanjung Malaysia dilihat sebagai satu sumber alternatif jangka panjang yang perlu direalisasikan. Projek penghantaran melalui kabel dasar laut akan merintis penerokaan kepada potensi tenaga hidro yang besar di Sarawak yang boleh dibangunkan untuk kegunaan Sarawak dan Semenanjung.

Namun begitu, bagi memastikan harga tenaga elektrik yang dibawa daripada Sarawak tersebut rendah, terma-terma pembiayaan projek menjadi sesuatu yang begitu kritikal. Oleh itu, Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi bersama Suruhanjaya telah merintis jalan dalam usaha untuk mendapatkan *soft loan* baginya daripada Kerajaan Jepun.

// Melalui pembangunan web portal tersebut, pencarian semua maklumat berkaitan industri tenaga, sama ada di dalam atau di luar negara, dapat dicapai dengan mudah melalui satu gerbang. Aduan dan bayaran secara *online* juga mula diperkenalkan melalui sistem tersebut. //

Bagi melindungi kepentingan pengguna serta selaras dengan syarat kelulusan tarif baru elektrik TNB pada tahun 2006, Suruhanjaya telah mengemukakan cadangan untuk mengadakan Tahap Perkhidmatan Minimum dan Tahap Pembekalan Yang Dijamin. Selaras dengan prinsip asas penetapan tahap perkhidmatan tersebut, pengguna-pengguna layak diberi pampasan secara terus melalui rebat. Cadangan tersebut dibuat setelah mengambilkira kemampuan kewangan serta obligasi TNB dalam meningkatkan dayaharap, kualiti bekalan dan perkhidmatannya.

Satu lagi inisiatif penting yang diambil oleh Suruhanjaya ialah untuk memperkemas dan memperkukuhkan aspek pembekalan elektrik yang diperuntukkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990. Kajian semula akta tersebut sangat wajar dilakukan memandangkan kebanyakan peruntukan yang terkandung di dalamnya telah diwarisi daripada akta yang digubal pada tahun 1949. Kajian perunding telah menghasilkan beberapa cadangan pindaan kepada akta tersebut yang diharap dapat memperkukuhkan beberapa aspek kawalselia pembekalan dan ekonomi untuk terus memajukan industri bekalan elektrik negara.

Penetapan angkadar kuasa yang lebih tinggi turut diperkenalkan pada tahun 2007 bagi menjamin sistem pembekalan elektrik yang lebih stabil, serta

mengurangkan susutan voltan dan pemanasan lampau. Angkadar yang rendah boleh mengakibatkan sistem pembekalan yang tidak cekap. Selaras dengan usaha tersebut, angkadar kuasa minimum telah dinaikkan daripada 0.85 kepada 0.9 bagi pengguna-pengguna voltan tinggi 132kV dan ke atas.


Suruhanjaya Tenaga juga telah mengambil langkah untuk mengkaji secara menyeluruh rejim kawalselia keselamatan dan peraturan-peraturan berkaitan dengannya, yang mana sebahagiannya didapati kurang sesuai dipraktikkan pada masa ini. Kajian ini telah menghasilkan cadangan rombakan besar ke atas rejim kawalselia *prescriptive* sedia ada kepada rejim kawalselia kawalan sendiri yang lebih berkesan. Perubahan pendekatan ini melibatkan cadangan pindaan menyeluruh kepada akta dan peraturan-peraturan serta proses kerja sedia ada. Perubahan ini perlu dilaksanakan dengan segera memandangkan trend kemalangan elektrik dalam negara sejak tiga (3) tahun kebelakangan adalah semakin meningkat.

Sebagai langkah untuk mengurangkan kemalangan elektrik, pemantauan ke atas kerja-kerja di pemasangan elektrik dipertingkatkan bagi memastikan pemasangan-pemasangan berisiko tinggi diperiksa dan disenggara sewajarnya dengan baik. Tindakan turut diambil jika didapati terdapat ketidakpatuhan terhadap peruntukan akta dan peraturan. Di samping

itu, program-program untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan elektrik di kalangan pengamal industri dan pengguna turut dipergiatkan di seluruh negara.

Pada tahun 2007 juga, Suruhanjaya memulakan usaha meningkatkan keberkesanan organisasi melalui penyediaan dan penggunaan teknologi maklumat secara lebih meluas. Pembangunan dan pelaksanaan web portal baru Suruhanjaya diwujudkan dengan hasrat menjadikannya sebagai *knowledge base portal*. Melalui pembangunan web portal tersebut, pencarian semua maklumat berkaitan industri tenaga, sama ada di dalam atau di luar negara, dapat dicapai dengan mudah melalui satu gerbang. Aduan dan bayaran secara *online* juga mula diperkenalkan melalui sistem tersebut. Usaha ini akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Akhir kata saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi di atas bimbingan dan sokongan padu kepada Suruhanjaya dalam melaksanakan peranannya seperti yang diperuntukkan undang-undang. Saya turut mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli Perunding Tenaga dan Ahli Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Arang Batu di atas sokongan yang berterusan.



DATO' IR. PIAN BIN SUKRO
Pengerusi Suruhanjaya Tenaga



merealisasikan impian

ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA 12

PENGURUSAN SURUHANJAYA TENAGA 16

PERISTIWA PENTING 18


ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA

(Sehingga 31 Disember 2007)




Dato' Teo Yen Hua telah meletakkan jawatan sebagai Anggota Suruhanjaya Tenaga mewakili Kerajaan pada 1 Mac 2007 dan tempat beliau diganti oleh Cik Loo Took Gee berkuatkuasa pada 25 Mei 2007, bagi tempoh tiga (3) tahun sehingga 24 Mei 2010.

YB Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi telah melanjutkan tempoh perkhidmatan tiga (3) Anggota Suruhanjaya yang tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Ogos 2007 iaitu YM Dato' Engku Hashim Al-Edrus, Dato' Lee Yee Cheong, Datuk Awang Haji Samat dan Encik Muri bin Muhammad, selama dua (2) tahun, berkuatkuasa mulai 1 September 2007 sehingga 31 Ogos 2009.



1 2 3



4 5 6 7

- | | |
|--|---|
| 1. DATO' IR. PIAN BIN SUKRO
Pengerusi / Ketua Pegawai Eksekutif | 5. ENCIK MURI BIN MUHAMMAD |
| 2. YM DATO' ENSKU HASHIM AL-EDRUS
ENSKU PENGIRAN ANUM | 6. DATO' TEO YEN HUA
(melepaskan jawatan berkuatkuasa
1 Mac 2007) |
| 3. DATO' IR. LEE YEE CHEONG | 7. CIK LOO TOOK GEE |
| 4. DATUK AWANG HAJI SAMAT | |

MESYUARAT SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga telah mengadakan lapan (8) Mesyuarat sepanjang tahun 2007 seperti berikut:

Bil	Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Tempat
1.	ST Bil. 1/2007	5/2/2007	Ibu Pejabat, KL
2.	ST Bil. 2/2007	6/4/2007	Ibu Pejabat, KL
3.	ST Bil. 3/2007	14/5/2007	Ibu Pejabat, KL
4.	ST Bil. 4/2007	8/6/2007	Ibu Pejabat, KL
5.	ST Bil. 5/2007	2/8/2007	Ibu Pejabat, KL
6.	ST Bil. 6/2007	18/9/2007	Ibu Pejabat, KL
7.	ST Bil. 7/2007	8/10/2007	Ibu Pejabat, KL
8.	ST Bil. 8/2007	5/12/2007	Pejabat Johor Bahru



JAWATANKUASA SURUHANJAYA TENAGA

Selaras dengan kehendak Seksyen 12 (1), Suruhanjaya Tenaga menubuhkan tiga (3) Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Bersama Pelesenan (Pengurusan & Suruhanjaya Tenaga)

Jawatankuasa Bersama Pelesenan (Pengurusan & Suruhanjaya Tenaga) bertanggungjawab untuk mempertimbang dan memperaku permohonan lesen-lesen awam dan persendirian. Jawatankuasa juga turut mencadang dan memperaku dasar pelesenan, serta membincangkan isu-isu dasar dan teknikal berkaitan pelesenan.

Keahlian Jawatankuasa Bersama Pelesenan adalah seperti berikut:

1. Dato' Ir. Pian Sukro – Pengerusi
2. YM Dato' Engku Hashim Al-Edrus
3. Datuk Awang Haji Samat
4. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Keselamatan dan Pembekalan)
5. Pengarah Pembekalan Elektrik.

Jawatankuasa Pelesenan telah mengadakan enam (6) Mesyuarat seperti berikut:

Bil	Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Tempat
1.	JKB(P&ST) Bil. 1/2007	26/1/2007	Ibu Pejabat, KL
2.	JKB(P&ST) Bil. 2/2007	1/3/2007	Ibu Pejabat, KL
3.	JKB(P&ST) Bil. 3/2007	17/4/2007	Ibu Pejabat, KL
4.	JKB(P&ST) Bil. 4/2007	1/6/2007	Ibu Pejabat, KL
5.	JKB(P&ST) Bil. 5/2007	27/8/2007	Ibu Pejabat, KL
6.	JKB(P&ST) Bil. 6/2007	6/11/2007	Ibu Pejabat, KL

2. Jawatankuasa Perkhidmatan dan Perjawatan

Jawatankuasa Perkhidmatan dan Perjawatan (JKP&P) bertanggungjawab membuat perakuan dasar termasuk peraturan dan prosedur berkaitan perkhidmatan dan perjawatan Suruhanjaya Tenaga. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk meluluskan cadangan dalam semua urusan berkaitan perkhidmatan seperti pelantikan dan kenaikan pangkat dan tatatertib.

Keahlian Jawatankuasa Perkhidmatan dan Perjawatan adalah seperti berikut:

1. Dato' Ir. Pian Sukro, Pengerusi
2. YM Dato' Engku Hashim Al-Edrus,
3. Datuk Awang Haji Samat
4. Dato' Teo Yen Hua (sehingga 3 Mac 2007) digantikan dengan Cik Loo Took Gee.

Jawatankuasa Perkhidmatan dan Perjawatan telah mengadakan tiga (3) Mesyuarat seperti berikut:

Bil	Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Tempat
1.	JKP&P Bil 1/2007	1/3/2007	Ibu Pejabat, KL
2.	JKP&P Bil 2/2007	17/7/2007	Ibu Pejabat, KL
3.	JKP&P Bil 3/2007	6/11/2007	Ibu Pejabat, KL

3. Jawatankuasa Kewangan dan Tender Suruhanjaya Tenaga

Jawatankuasa Kewangan dan Tender Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab dalam menentukan dasar-dasar berkaitan pengurusan kewangan Suruhanjaya serta membincangkan isu-isu kewangan di samping bertindak sebagai Jawatankuasa Kelulusan Tender mengikut harga perolehan yang ditetapkan.

Keahlian Jawatankuasa Kewangan dan Tender adalah seperti berikut:

1. Datuk Awang Haji Samat, Pengerusi
2. Dato' Lee Yee Choeng,
3. Encik Muri bin Muhammad.

Jawatankuasa Kewangan dan Tender Suruhanjaya Tenaga telah mengadakan tiga (3) Mesyuarat seperti berikut:

Bil	Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Tempat
1.	JKK&T Bil 1/2007	19/6/2007	Ibu Pejabat, KL
2.	JKK&T Bil 2/2007	2/8/2007	Ibu Pejabat, KL
3.	JKK&T Bil 3/2007	23/8/2007	Ibu Pejabat, KL

PENGURUSAN SURUHANJAYA TENAGA



1

1. DATO' IR. PIAN BIN SUKRO
 Pengerusi / Ketua Pegawai Eksekutif

2

2. IR. AHMAD FAUZI BIN HASAN
 Pengarah Kanan, Gas & Keselamatan

3

3. DR. MUHAMAD BIN HAMZAH
 Pengarah Kanan, Ekonomi &
 Pembangunan Industri
 (sehingga 27 Ogos 2007)



4

4. PUAN MURTADZA
 BINTI MOHD KASIM
 Pengarah, Perkhidmatan
 Sokongan

6

5. IR. AZHAR BIN OMAR
 Pengarah, Pembekalan
 Elektrik

7

6. ENCIK ISMAIL BIN ANUAR
 Pengarah, Keselamatan
 Elektrik

7. IR. OTHMAN BIN OMAR
 Pengarah, Keselamatan &
 Pembekalan Gas



2001

- ST ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, pada 1 Mei 2001.
- ST mewujudkan struktur organisasi pertama, pada 1 September 2001.

2003

- ST berpindah ke bangunan Menara TH Perdana pada April 2003.
- ST menetapkan hala tuju strategik Pelan Korporat 2003 – 2005, Visi dan Misi serta Nilai Teras.
- ST memperkenalkan penandaarasan *Malaysian Electricity Supply Industry* (MESI).

2005

- ST mengetuai Panel Perunding Tenaga bagi mengerakkan usahasama antara industri dalam sektor tenaga.
- ST mengadakan Kajian Semula Tarif Elektrik.
- ST memperkenalkan cadangan bangunan lestari di Putrajaya melalui MoU pada September 2005.

2006

- ST menyusun semula struktur organisasi selaras dengan perkembangan semasa dan keperluan pembangunan industri tenaga negara.
- ST membuat kajian semula ke atas rejim kawalselia keselamatan elektrik dan gas berpaip.
- ST membuat kajian menyeluruh ke atas prestasi kewangan dan teknikal penjana bebas.

2002

- ST mengambilalih fungsi dan tugas Jabatan Bekalan Elektrik serta tanggungjawab di bawah Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan yang berkaitan pada 2 Januari 2002.
- ST memulakan operasi kawalselia pada 2 Januari 2002.

2004

- ST melaksanakan kajian semula prestasi Sistem Grid Semenanjung Malaysia.
- ST mengetuai delegasi Malaysia di Mesyuarat ASEAN *Electrical And Electronic Mutual Recognition Agreement* (ASEAN EE MRA).

2007

- ST memulakan pembinaan bangunan ibu pejabat berasaskan rekabentuk *Diamond* dengan ciri-ciri cekap tenaga dan lestari di Lot PT 7556, Presint 2, Putrajaya pada Jun 2007.
- ST memulakan penyediaan *Energy Blueprint*, pada September 2007.
- ST membuat kajian semula ke atas terma dan syarat perkhidmatan warga kerjanya dan melancarkan Visi, Misi dan Nilai Teras yang baru.



mencapai keutuhan masa depan

PERKEMBANGAN DALAM INDUSTRI	22
MENERUSKAN INISIATIF TRANSFORMASI INDUSTRI	32
MENANGANI ISU-ISU INDUSTRI	35
MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA	37
MENANGANI CABARAN KESELAMATAN	39
MENGELUARKAN PERAKUAN-PERAKUAN MENGIKUT KEHENDAK PERUNDANGAN	43
MENGALAKKAN KECEKAPAN TENAGA	47
MENGUKUHKAN ORGANISASI DALAMAN	48
KALENDAR AKTIVITI 2007	50

PERKEMBANGAN DALAM INDUSTRI

SITUASI PEMBEKALAN DAN PERMINTAAN ELEKTRIK

SEMENANJUNG MALAYSIA


Di Semenanjung Malaysia, bekalan elektrik berada pada tahap yang selesa dengan margin simpanan sistem pada tahun 2007 berada dalam lingkungan 45% berbanding dengan 41% pada tahun sebelumnya. Kehendak maksimum sistem grid di Semenanjung Malaysia meningkat 4.8%, daripada 12,990 MW kepada 13,620 MW (Rajah 1).

Kapasiti penjanaan terpasang di Semenanjung Malaysia berada pada paras 19,723 MW, meningkat 7.6% berbanding 18,323 MW pada tahun sebelumnya apabila dua (2) unit loji penjanaan yang menggunakan arang batu berkapasiti 700 MW seunit di Tg. Bin, Johor memulakan operasi komersilnya. Daripada jumlah keseluruhan kapasiti yang terpasang di Semenanjung, 6,346 MW atau 32.2% diperolehi daripada loji-loji penjanaan TNB dan bakinya 13,377 MW diperolehi daripada loji-loji penjanaan IPP termasuk Stesen Janakuasa Janamanjung dan Kapar Energy Ventures Sdn. Bhd (KEV).

NEGERI SABAH


Bekalan tenaga elektrik dari Pantai Barat Sabah yang lebih stabil dapat disalurkan ke Pantai Timur Sabah apabila projek grid sambungtara Timur Barat siap sepenuhnya pada tahun 2007. Tiga (3) insiden dalam sistem berlaku dalam tempoh satu minggu grid sambungtara tersebut beroperasi yang turut menguji keutuhan sistem. Ia turut membuktikan langkah SESB dalam memastikan keselamatan sistem grid di Sabah telah berhasil.

Rajah 1: Kehendak Maksimum dan Kapasiti Penjanaan Terpasang di Semenanjung Malaysia



Sumber: TNB
Nota : (1) Penambahan satu blok kitar padu 715 MW di Stesen Janakuasa Tuanku Jaafar (SJTJ), Port Dickson pada bulan Jun 2005. (2) Hentitugas 3 unit thermal dari Stesen Janakuasa Prai - 360 MW pada bulan Julai 2005.

Rajah 2: Kehendak Maksimum dan Kapasiti Penjanaan di Sabah Tahun 2007



Pada keseluruhannya, jumlah kapasiti penjanaan terpasang di Sabah menurun sedikit daripada 708 MW kepada 706 MW pada tahun 2007 memandangkan tiada pertambahan kapasiti baru dalam tahun 2007 (Rajah 2). Bagaimanapun, kehendak maksimum sistem grid di Sabah meningkat 5.2% daripada 594 MW kepada 625 MW. Kecukupan bekalan elektrik dan tahap reliabiliti loji-loji penjanaan yang telah berusia masih menjadi isu utama bekalan elektrik di Sabah.

PRESTASI PEMBEKALAN ELEKTRIK


SEMENANJUNG

Pemantauan kecekapan operasi di sektor penjanaan, penghantaran dan pengagihan diteruskan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan dalam industri. Prestasi bekalan dinilai berdasarkan pencapaian tahap *contracted efficiency* dan *Unplanned Outage Rate* (UOR) sebagaimana yang ditetapkan dalam Perjanjian Pembelian Tenaga. Pada keseluruhannya, kebanyakan loji IPP dan TNB mencapai tahap prestasi lebih baik berbanding tahun sebelumnya.


Sebaliknya, tahap prestasi penghantaran keseluruhannya telah menurun berbanding dengan pencapaian yang memberansangkan pada tahun sebelumnya. Insiden pelantikan sistem penghantaran dengan kehilangan beban melebihi 50 MW di Semenanjung Malaysia meningkat 43%. Bilangan insiden bertambah kepada sepuluh (10) berbanding dengan tujuh (7) pada tahun sebelumnya (Rajah 3). Walau bagaimanapun, tiada pertambahan bilangan insiden lucutan beban dilaporkan berlaku pada tahun tersebut. Jumlah tenaga yang tidak dibekalkan juga telah meningkat kepada 1,246.8 MWj berbanding dengan 215.4 MWj tahun 2006

Prestasi kurang memuaskan sistem penghantaran juga ditunjukkan melalui ukuran *Delivery Point Unreliability Index* (DePUI) – *System minutes* TNB yang meningkat kepada 9.3 minit berbanding 7.3 minit, melepasi sasaran tahunan yang telah ditetapkan pada tahap sembilan (9) minit (Rajah 4).

Rajah 3: Bilangan Pelantikan Sistem Penghantaran dengan Kehilangan 50 MW Ke Atas Pada Tahun 2003 Hingga 2007




Rajah 4: Delivery Point Unreliability Index (DePUI) – System Minutes TNB



Sumber: Tenaga Nasional Berhad

Rajah 5: Gangguan Bekalan Elektrik TNB – Bagi Setiap 1,000 Pengguna



Buat pertama kalinya pada tahun 2007, dalam usaha meningkatkan pemantauan dan pelaporan prestasinya, TNB telah memperkenalkan perisian *Total Outage Management System* (TOMS) yang mampu menghasilkan kejutan laporan. Perubahan kepada sistem baru tersebut turut menyaksikan gangguan bekalan elektrik bagi setiap 1,000 pengguna meningkat 30.3 % daripada 8.67 gangguan kepada 11.30 gangguan (Rajah 5).

Daripada jumlah keseluruhan gangguan bekalan, gangguan tidak berjadual mencatatkan peratusan tertinggi (96.9%) berbanding dengan gangguan berjadual (3.1%).


Pada 2007, indeks SAIDI menunjukkan pencapaian lebih baik dari sasaran 99 minit/pelanggan/tahun, dengan penurunan kepada 76 minit/pelanggan/tahun berbanding 104 minit/pelanggan/tahun pada tahun sebelumnya (Rajah 6).

NEGERI SABAH

Negeri Sabah juga mencatatkan prestasi bekalan yang lebih baik pada tahun 2007 dengan bilangan gangguan bekalan elektrik setiap 1,000 pengguna menurun 12.5%, daripada 70.30 gangguan kepada 61.48 gangguan (Rajah 7). Gangguan tidak berjadual mencatatkan 84.8% dan gangguan berjadual, 15.2%.


Prestasi sistem pembekalan SESB di Sabah juga bertambah baik dengan penurunan 50.4% indeks SAIDI, daripada 2,778 minit/pelanggan/tahun kepada 1,379 minit/pelanggan/tahun 2007. Ia juga menunjukkan sistem pengagihan di Sabah telah bertambah baik (Rajah 8).

Rajah 6: SAIDI (Minit/Pelanggan/Tahun) di Semenanjung Malaysia




Sumber: Tenaga Nasional Berhad

Rajah 7: Gangguan Bekalan Elektrik SESB – Bagi Setiap 1,000 Pengguna



Rajah 8: Indeks SAIDI (Minit/Pelanggan/Tahun) Negeri Sabah Tahun 2005 – 2007



KULIM HI-TECH PARK

Prestasi pembekalan elektrik di kawasan Kulim Hi-Tech Park (KHTP) pada keseluruhannya telah meningkat, di mana SAIDI keseluruhan menurun 60.8% daripada 125 minit/pelanggan/tahun kepada 49 minit/pelanggan/tahun (Rajah 9). Bagaimanapun, SAIDI industri (untuk pengguna voltan tinggi sahaja) didapati telah meningkat daripada 1,091 minit/pelanggan/tahun kepada 2,889 minit/pelanggan/tahun. Peningkatan ini disebabkan oleh kerosakan pada kabel 11 kV pada bulan Mei dan November 2007 di kawasan perindustrian KHTP.

Gangguan berjadual di KHTP mencatatkan 61.9% berbanding gangguan tidak berjadual, 38.1% (Rajah 10).




Rajah 9: SAIDI Keseluruhan dan Industri (untuk Pengguna Voltan Tinggi sahaja) di Kulim Hi-Tech Park Bagi Tahun 2003 – 2007



Sumber: Kulim Hi-Tech

Rajah 10: Gangguan Bekalan Elektrik NUR Distribution Sdn Bhd – Bagi Setiap 1,000 Pengguna



PEMBEKALAN BAHAN API UNTUK SEKTOR PENJANAAN

PEMBEKALAN GAS ASLI

Sehingga akhir tahun 2007, hampir 70% penjanaan elektrik, terutama di Semenanjung Malaysia, bergantung kepada bahan api gas asli yang dibekalkan oleh Petronas. Bagi memenuhi permintaan tempatan, sumber-sumber daripada West Natuna dan *Joint Development Area* Malaysia-Thailand turut diimport oleh Petronas memandangkan sumber-sumber gas asli tempatan semakin berkurangan yang mana kontrak bekalannya mempunyai kaitan dengan harga *Medium Fuel Oil* (MFO).

Sektor janakuasa mencatatkan penurunan penggunaan gas pada tahun 2007. Antara lain, penurunan tersebut disebabkan mulatugas Stesen Janakuasa Tanjung Bin (Unit 2 & Unit 3) masing-masing pada bulan Mac dan September 2007. Secara puratanya, kuantiti gas yang dibekalkan adalah lebih rendah daripada purata 1350mmscf/d yang ditetapkan Petronas. Hentitugas loji pemprosesan gas secara

terancang dan tidak terancang turut menjejaskan bekalan dan dalam situasi sedemikian, penggunaan bahanapi *distillate* sebagai ganti tidak dapat dielakkan walaupun kosnya jauh lebih tinggi. Ini bagi memastikan sekuriti sistem pembekalan elektrik tidak terjejas. Jadual 1 menunjukkan perbandingan penggunaan gas asli oleh sektor kuasa elektrik untuk tempoh tiga (3) tahun kebelakang.

PEMBEKALAN ARANG BATU

Bekalan arang batu kepada stesen-stesen penjanaan di Semenanjung berhadapan dengan masalah jangka pendek akibat kesan banjir dan kesibukan pelabuhan pada tahun 2007. Beberapa kejadian hentitugas loji pemprosesan gas yang tidak dirancang serta dengan mulatugas Unit 2 dan Unit 3 Stesen Janakuasa Tanjung Bin, menyebabkan permintaan arang batu meningkat secara mendadak. Bagi mengatasi masalah tersebut, TNB Fuel selaku pembekal utama arang batu telah mendapatkan bekalan melalui pasaran hadapan. Faktor cuaca dan pengangkutan menjadi punca utama kepada kelewatan penghantaran bekalan mengikut jadual yang ditetapkan.

Jadual 1: Perbandingan Penggunaan Gas Sektor Kuasa Elektrik

Tahun	Kuantiti Purata Gas Yang Diperlukan Dalam Setahun (mmscf/d)	Kuantiti Purata Gas Yang Dibekalkan Dalam Setahun (mmscf/d)	Penggunaan Maksimum (mmscf/d)
2005	1334	1297	1297
2006	1345	1310	1310
2007	1321	1298	1298

PELESENAN INDUSTRI

Pada tahun 2007, Suruhanjaya Tenaga mengeluarkan 18 lesen awam dan tiga (3) lesen persendirian untuk membekal elektrik. Butiran mengenai lesen-lesen yang dikeluarkan adalah seperti berikut :

Bil	Nama Syarikat	Deskripsi
1.	AEON CO. (M) BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 3.849 MW di di kompleks AEON Cheras Selatan, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor.
2.	AEON CO. (M) BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 7.05 MW di kompleks AEON Seremban 2, Mukim Rasah, Daerah Seremban, Negeri Sembilan.
3.	URUSHARTA CEMERLANG SDN. BHD.	Mengagih tenaga elektrik dengan kapasiti 22.1 MW di kompleks perniagaan Pavillion Kuala Lumpur, dan 260, Jalan Bukit Bintang/ Jalan Raja Chulan, Seksyen 67, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
4.	BAHAGAYA SDN. BHD.	Menjana tenaga elektrik secara <i>co-generation</i> dengan kapasiti 3 MW dan mengagih tenaga elektrik sebanyak 2,518 kW kepada Rajang Plywood (Sabah) Sdn. Bhd. di Merotai, 91000 Tawau, Sabah.
5.	MID VALLEY CITY ENERGY SDN. BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 40 MW di kompleks perniagaan The Gardens (Fasa 2), Mukim Bandar Kuala Lumpur, 59200 Wilayah Persekutuan.
6.	BANDAR UTAMA CORPORATION SDN. BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 100 MW di Kawasan Pembangunan Bandar Utama, Seksyen 39, Bandar Petaling Jaya, Daerah Petaling, 47800 Selangor.
7.	FUSION ENERGY SDN. BHD.	Menjana tenaga elektrik dengan kapasiti 418 MW untuk diagihkan kepada Mega Steel Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikat Lion Group di dalam kompleks Lion Group di Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, 42700 Selangor Darul Ehsan.

Bil	Nama Syarikat	Deskripsi
8.	PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU	Menjana dan membekal elektrik menggunakan sistem solar hybrid dengan kapasiti 0.45 MW kepada pengguna-pengguna di Pulau Kapas, Mukim Rusila, Daerah Marang, 21600 Terengganu.
9.	POWETRACO SDN. BHD.	Menjana tenaga elektrik dengan kapasiti 3 MW dan mengagih tenaga elektrik sebanyak 2,500 kW di kompleks Tawau Plywood Manufacturing Sdn. Bhd. di KM 289, Jalan Merotai, Kg. Manusi, 91017 Tawau, Sabah.
10.	PETRONAS METHANOL (LABUAN) SDN. BHD.	Menjana tenaga elektrik menggunakan sistem <i>co-generation</i> dengan kapasiti 40.8 MW, di Kompleks Petronas Methanol Labuan, Kawasan perindustrian Ranche-Ranche, Labuan, 87010 Wilayah Persekutuan Labuan.
11.	ASTRAL REALTY SDN. BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 4.794 MW kepada pengguna-pengguna di kompleks perniagaan PUTRA SQUARE, Mukim Kuantan, Daerah Kuantan, 25000 Pahang.
12.	C.S. KHIN DEVELOPMENTS SDN. BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 0.85 MW kepada pengguna-pengguna di dalam bangunan Wisma Mirama, Lot 888, Section 69, 50460 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
13.	WISMA CENTRAL MANAGEMENT CORPORATION	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 2.2 MW kepada pengguna-pengguna di kompleks perniagaan di Wisma Central, Geran 10015 Lot 150, Seksyen 28, Bandar Kuala Lumpur, 50450 Wilayah Persekutuan.
14.	JURUS KOTA SDN. BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 3.59 MW kepada pengguna-pengguna di dalam kompleks perniagaan Alor Star Mall, Kawasan Pusat Perniagaan dan Industri Kecil Sri Tandop 1, Daerah Kota Setar, Kedah.

Bil	Nama Syarikat	Deskripsi
15.	Y.S. TANG HOLDINGS SDN. BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 3.161 MW di dalam kompleks perniagaan KB Mall, PT 101, Jalan Hamzah, Seksyen 16, Bandar Kota Bharu, 15050 Kelantan Darul Naim.
16.	ENG LIAN ENTERPRISE SDN. BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dari TNB dengan kapasiti 3.116 MW di kompleks perniagaan Bangsar Village II di Mukim Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, 59100 Wilayah Persekutuan.
17.	TRADEWINDS PROPERTIES SDN. BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 4.97 MW di Kompleks Antarabangsa, 1158, Seksyen 57, Mukim Bandar Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, 50250 Wilayah Persekutuan.
18.	AEON CO. (M) BHD.	Mengagih dan membekal tenaga elektrik dengan kapasiti 12 MW di kompleks beli-belah AEON Co, (M) Bhd. Lot PT 2042 HS(D) 105957 dan PT 2043 HS(D) 105958, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor.
19.	SABAH FOREST INDUSTRIES SDN. BHD.	Menjana tenaga elektrik dengan cara <i>co-generation</i> dengan kapasiti 57 MW bagi kegunaan sendiri di W.D.T 31, 89859 Sipitang, Sabah.
20.	PETRONAS FERTILIZER (KEDAH) SDN. BHD.	Menjana tenaga elektrik secara <i>co-generation</i> dengan kapasiti 18.31 MW bagi kegunaan sendiri di Lot 10750 Bandar Gurun, Daerah Kuala Muda, Kedah.
21.	TITAN PETCHEM (M) SDN. BHD.	Menjana tenaga elektrik dengan cara <i>co-generation</i> dengan kapasiti 56 MW bagi kegunaan sendiri di Jalan Tembaga 4, Pasir Gudang Industrial Estate, 81700 Pasir Gudang, Johor.

SITUASI PEMBEKALAN DAN PERMINTAAN GAS BERPAIP DI SEKTOR BUKANTENAGA

Di sektor bukan tenaga, kuantiti gas asli dan gas petroleum cecair (LPG) yang dibekalkan melalui talian paip oleh pemegang-pemegang Lesen Penggunaan Gas (lesen yang diperlukan untuk membekalkan gas melalui talian paip kepada orang awam) telah meningkat sebanyak 9.79% kepada 106,547,021 mmBtu pada tahun 2007 berbanding 97,046,876 mmBtu pada tahun 2006. Sektor industri merupakan pengguna utama gas, iaitu yang menggunakan 99.0% daripada keseluruhan gas asli yang dibekalkan, diikuti oleh sektor komersil (0.93%) dan sektor perumahan (0.07%).

Pada akhir tahun 2007, permintaan gas asli oleh sektor bukan tenaga yang dibekalkan Gas Malaysia Sdn. Bhd. (GMSB) di Semenanjung ialah 270 mmscfd dan Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd. (SEC) ialah 0.5 mmscfd di Sabah. Kuantiti LPG yang dibekalkan GMSB telah meningkat kepada 177,111 mmBtu pada 2007 berbanding 145,720 mmBtu pada 2006. Bilangan pengguna-pengguna gas asli dan LPG di sektor industri, komersil dan perumahan yang mendapat bekalan daripada GMSB dan SEC masing-masing juga telah meningkat pada kadar 1.2%, 44.2% dan 7.15% jika dibandingkan dengan tahun 2006. Secara keseluruhannya, permintaan terhadap bekalan gas asli daripada sektor bukan tenaga di Semenanjung telah melebihi kuantiti pengeluaran gas asli oleh PETRONAS yang diperuntukkan untuk sektor bukan tenaga. Oleh itu, GMSB telah tidak dapat memenuhi permintaan baru bagi bekalan gas asli.

Pada akhir 2007, rangkaian sistem talian paip agihan gas asli di Semenanjung Malaysia telah menjangkau 1,485 km iaitu pertambahan sepanjang 82 km berbanding 1,403 km pada akhir 2006. Peningkatan yang kecil ini adalah kesan daripada kekangan pembekalan gas asli sejak akhir 2005. Pembinaan rangkaian talian paip baru hanya melibatkan projek *looping* dan talian paip ke stesen-stesen NGV. Di Labuan, sepanjang 2.4 km talian paip agihan telah beroperasi bagi membekalkan gas asli kepada tiga (3) pengguna industri sedia ada, manakala di Sabah, sepanjang empat (4) km talian paip telah beroperasi untuk membekalkan gas asli kepada lima (5) pengguna industri sedia ada dan tiga (3) pengguna industri baru di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP).

PRESTASI INDUSTRI PEMBEKALAN GAS BERPAIP

Jadual 2 menunjukkan petunjuk-petunjuk prestasi aktiviti pembekalan gas melalui talian paip yang dijalankan oleh GMSB di Semenanjung bagi tahun 2007. Pada keseluruhannya, prestasi keberterusan bekalan dan keselamatan telah menurun berbanding tahun sebelumnya. Lanjutan daripada itu, pemegang lesen juga telah mengenalpasti dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang lebih berkesan bagi meningkatkan prestasi keberterusan bekalan dan keselamatan.




Jadual 2: Petunjuk Prestasi GMSB

Petunjuk Prestasi	Unit	Indeks 2006		Indeks 2007	
		Gas Asli	LPG	Gas Asli	LPG
SAIDI (Supply Average Interruption Duration Index)	minit/ pelanggan	3.7494	0.4261	0.7763	2.6950
SAIFI (Supply Average Interruption Frequency Index)	gangguan/ pelanggan	0.0579	0.0015	0.0156	0.0326
CAIDI (Customer Average Interruption Duration Index) (SAIDI/SAIFI)	minit/ gangguan	64.6487	267.7143	49.7868	82.6624
Kebocoran di sepanjang talian paip gas bagi setiap 1000 km	bil kebocoran /1000 km	0.00072		0	
Kebocoran di stesen gas dan di premis pengguna bagi setiap 1000 pelanggan	bil kebocoran/ 1000 pelanggan	0.03303		3.9576	

PELESENAN INDUSTRI PEMBEKALAN GAS BERPAIP

Pada tahun 2007, tiada Lesen Penggunaan Gas baru dikeluarkan. Bagaimanapun, sejumlah 182 Lesen Gas Persendirian baru telah dikeluarkan kepada pemunya atau penghuni premis pemasangan-pemasangan gas berpaip untuk kegunaan sendiri, yang meliputi tujuh (7) kategori pengguna iaitu hotel, hospital, pasaraya, sekolah, *resort/club*, restoran dan premis-premis lain (Rajah 11). Sejumlah 444 Lesen Gas Persendirian telah diperbaharui dalam tahun yang sama. Sehingga akhir 2007, sejumlah 1,683 lesen gas persendirian baru telah dikeluarkan.

Rajah 11: Bilangan Lesen Gas Persendirian (Baru) Yang Dikeluarkan Pada Tahun 2007



MENERUSKAN INISIATIF TRANSFORMASI INDUSTRI

MENGGARAP ARAH TUJU INDUSTRI

Kajian *Energy Blueprint* adalah antara inisiatif penting yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga ke arah penyediaan awal dasar industri tenaga negara secara menyeluruh. *Blueprint* tersebut memberi penekanan kepada langkah-langkah strategik untuk memastikan dasar dan rangkakerja institusi dibentuk dengan baik dan keupayaan wujud untuk memastikan ekonomi tenaga negara tidak bergantung kepada yang lain, fleksibel dan responsif. Langkah-langkah yang dicadangkan merangkumi semua bidang berkaitan tenaga, termasuk pembekalan sumber-sumber tenaga, campuran bahan api arang batu, gas dan minyak, pembangunan hidro dan sumber tenaga boleh diperbaharui, nuklear, pemuliharaan alam sekitar, kecekapan tenaga serta pengurusan bahagian permintaan.

MEMANTAPKAN KERANGKA KAWALSELIA

Pengawalseliaan industri bekalan elektrik di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 bertujuan untuk memastikan bekalan elektrik yang berdayaharap dan selamat, perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang munasabah. Sebahagian besar peruntukan akta tersebut diwarisi daripada peruntukan-peruntukan Akta Elektrik 1949. Pada tahun 2007, usaha-usaha ke arah meminda dan menambahkan peruntukan-peruntukan dalam akta tersebut telah dilaksanakan terutama bagi memperkemas dan memperkukuhkan aspek pembekalan dan kawalselia ekonomi agar perjalanan industri lebih teratur dan berkesan.

MEMBUAT KAJIAN SEMULA KE ATAS REJIM KAWALSELIA KESELAMATAN

Pada awal tahun 2007, Suruhanjaya telah melaksanakan satu kajian bersama Perunding yang dilantik untuk menilai keberkesanan rejim kawalselia keselamatan yang diamalkan. Kajian penilaian impak kawalselia tersebut telah dilaksanakan bagi menilai keberkesanan peruntukan undang-undang sedia ada dalam kawalselia keselamatan serta mencadangkan perubahan-perubahan yang perlu. Hasil kajian tersebut turut mencadangkan beberapa perubahan besar kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Bekalan Elektrik 1990.

MEMBUAT KAJIAN SEMULA KE ATAS KANUN GRID DAN KANUN PENGAGIHAN

Kanun Grid dan Kanun Pengagihan merupakan dua instrumen kawalselia yang amat penting bagi mengawalselia industri pembekalan elektrik. Kanun Grid menetapkan peraturan-peraturan dan garis panduan ke arah mencapai perancangan, kendalian dan penyenggaraan sistem grid yang berkesan bagi memastikan reliabiliti sistem grid terjamin. Ianya juga menggariskan peranan utama Pengendali Sistem Grid, TNB selaku Pemilik Sistem Penghantaran dan TNB selaku Pembeli tunggal kepada tenaga elektrik yang dijana oleh IPP dan stesen-stesen janakuasa TNB. Peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Kanun Grid telah dikaji semula bagi mencapai hasrat mewujudkan Pengendali Sistem Grid yang bebas serta mewujudkan kesamarataan kepada semua pihak dalam industri. Begitu juga di peringkat sistem pengagihan, Kanun Pengagihan menetapkan

peraturan-peraturan dan garis panduan berkaitan perancangan, kendalian dan penyenggaraan sistem bagi menjamin sistem pengagihan yang terancang dan berdayaharap.

Penyediaan semula Kanun Grid dan Kanun Pengagihan telah tertanggung ekoran pertikaian oleh penggiat-penggiat industri. Sebagai badan yang bebas Suruhanjaya telah melantik Perunding *The Research Institute India* (TERI) untuk meneliti semula draf-draf sedia ada dan memuktamadkan kod-kod tersebut. Kajian semula ini telah melibatkan beberapa sesi perbincangan dengan pelbagai pihak terutamanya Unit Perancang Ekonomi, Kementerian, Tenaga, Air dan Komunikasi, TNB dan IPP. Pindaan-pindaan yang dibuat terutama dalam Kanun Grid tersebut dijangka akan membawa perubahan yang ketara dalam industri terutama dalam menangani isu TNB selaku *vertically integrated monopoly* buat masa ini. Sehingga akhir tahun 2007, kedua-dua draf tersebut masih di peringkat penyediaan.

MENETAPKAN STANDARD VOLTAN BEKALAN

Selaras dengan negara-negara maju lain di dunia, inisiatif untuk menukar sistem voltan 220/380 volt dan 240/415 volt kepada sistem voltan 230/400 volt dengan julat +10%, -6% berasaskan standard IEC 60038 telah dimulakan yang melibatkan voltan bekalan bagi sistem satu (1) fasa dan tiga (3) fasa di Malaysia. Pengilang-pengilang akan lebih berdaya saing kerana pertukaran tersebut membolehkan kelengkapan di eksport ke banyak negara.

MENETAPKAN FAKTOR KUASA PENGGUNA-PENGGUNA VOLTAN TINGGI

Pertukaran angkadar kuasa minimum pada tahap 0.85 kepada tahap 0.9 mengekor (*lagging*) kepada pengguna-pengguna 132kV dapat menjamin sistem pembekalan elektrik yang lebih stabil, mengurangkan susutan voltan dan pemanasan lampau. Angkadar kuasa pengguna kurang dari tahap tersebut akan dikenakan surcaj sebanyak 1.5% hingga 3% dari bil bulanan sebagai penalti.

MEMPERKENALKAN TAHAP-TAHAP PERKHIDMATAN MINIMUM DAN TAHAP-TAHAP PEMBEKALAN YANG DIJAMIN

Berikutan dari penstrukturan semula tarif elektrik pada 1 Jun 2006, melalui rangkakerja kawalselia sedia ada di bawah Seksyen 4(b) Akta Bekalan Elektrik 1990, Standard Prestasi Perkhidmatan Pembekalan TNB telah dicadangkan dengan menentukan Tahap-Tahap Perkhidmatan Minimum dan Tahap-Tahap Pembekalan Yang Dijamin.

MENYERAGAMKAN FORMAT LAPORAN PRESTASI LOJI-LOJI PENJANAAN

Bagi menilai prestasi loji-loji penjaan, petunjuk-petunjuk prestasi dibangunkan selaras dengan amalan antarabangsa. Bagi mencapai penandarasan yang saksama, sistem pelaporan telah diperkemas melalui format penyediaan laporan yang seragam berdasarkan Standard IEEE yang dilaksanakan secara *online*.

MENERUSKAN INISIATIF TRANSFORMASI INDUSTRI

MENYEDIAKAN PELAN PENJANAAN BEKALAN ELEKTRIK

Perancangan penambahan kapasiti penjaan bekalan elektrik perlu dilaksana dengan teliti dengan mengambilkira pertumbuhan beban sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa. Pada tahun 2007, cadangan tersebut telah dilaksanakan secara lebih terperinci dengan keupayaan warga kerja dalaman menggunakan perisian *Wien Automatic System Planning* (WASP) dalam analisis pelan perancangan tersebut.

Hasil kajian telah dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Pelaksanaan Perancangan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) yang dipengerusikan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi. Isu-isu tenaga turut mendapat perhatian Kerajaan melalui penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Tenaga serta

penyelarasan keputusan di antara tiga (3) Menteri yang berperanan dalam pembangunan industri tenaga, iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, dan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

Sumber bekalan dan kenaikan kos bahan api merupakan perkara-perkara yang menjadi cabaran utama dalam industri tenaga. Pelaksanaan projek hidroelektrik Bakun dilihat dapat membuka peluang untuk menerokai potensi hidro di Sarawak. Projek ini juga diharap akan mengurangkan kebergantungan penjaan kepada sumber gas asli, yang kini telah mencapai ke tahap kapasiti maksimum, di samping mengurangkan penggunaan arang batu yang kebanyakannya diimport dengan kos yang semakin meningkat. Cadangan pelaksanaan projek Bakun bagaimanapun bergantung kepada keupayaan untuk menyiapkan komponen kabel dasar laut.



MENANGANI ISU-ISU INDUSTRI

RUNDINGAN SEMULA PERJANJIAN PEMBELIAN TENAGA (PPA)

Usaha-usaha rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) yang dimulakan dalam tahun 2006 diteruskan. Pandangan Penjana-Penjana Bebas (IPP) generasi pertama dan respons yang diterima daripada IPP lain turut dikaji dan menghasilkan rumusan cadangan pengurangan bayaran kapasiti yang berasaskan prinsip potongan mudah kepada perlanjutan tempoh lesen dan/atau tempoh PPA. Bagaimanapun, cadangan tersebut tidak mencapai kata sepakat dan pada Mac 2007, Jemaah Menteri memutuskan supaya rundingan tersebut dihentikan. Jemaah Menteri juga menetapkan sumbangan IPP kepada Tabung Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik dinaikkan. Suruhanjaya turut mengkaji cadangan kenaikan sumbangan daripada IPP generasi pertama dan dua (2) IPP generasi kedua, serta kesannya kepada kedudukan kewangan IPP. Mekanisme pelaksanaan dan kuantum kenaikan merupakan dua (2) perkara yang telah diteliti tetapi belum mendapat keputusan muktamad.

KESAN KENAIKAN HARGA BAHAN API GAS

Dengan kenaikan harga minyak dunia sehingga melebihi paras USD80 setong pada tahun 2007, satu analisis kesan kenaikan tersebut kepada harga bahan api gas domestik untuk sektor elektrik dan bukan elektrik telah disediakan. Analisis kesan kenaikan harga gas kepada sektor elektrik ke atas tarif elektrik di Semenanjung Malaysia menunjukkan dengan kenaikan setiap RM1 harga bahan api gas menyebabkan kenaikan tarif elektrik antara 2% hingga 3%. Cadangan beberapa strategi untuk menangani kesan kenaikan harga bahan api gas turut dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan.


ARAHAN GAGAL MENGHANTAR

Aduan mengenai insiden arahan gagal menghantar (FDI) terhadap TNB telah diterima daripada Persatuan Penjana-Penjana Bebas (Penjana). Perkara ini terpaksa dibawa kepada proses arbitrase disebabkan cadangan untuk menyelesaikan pertikaian melalui peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990 telah tidak dipersetujui oleh TNB.

KEBERTERUSAN BEKALAN DI SABAH

Keadaan dayaharap bekalan elektrik di Sabah berada di tahap yang kurang memuaskan disebabkan beberapa faktor seperti kapasiti penjaan yang terjejas akibat kadar gangguan tidak berjadual yang tinggi (Rajah 12), simpanan janakuasa dalam sistem yang kecil, kadar gangguan yang tinggi, kelewatan mulatugas loji-loji penjaan yang telah dirancang; kelewatan menyiapkan Grid Sambungtara Timur Barat dan kelewatan pelaksanaan/penyiapan projek-projek penghantaran.

Rajah 12: Kadar Gangguan Tidak Berjadual Stesen-Stesen Penjaan Di Sabah 2007



MENANGANI ISU-ISU INDUSTRI

Pada keseluruhannya grid integrasi Sabah telah beroperasi mengikut kriteria-kriteria perancangan yang ditetapkan apabila Grid Sambungtara Timur Barat telah dimula tugas pada 28 Julai 2007. Sepanjang tempoh satu (1) minggu selepas beroperasi, berlaku tiga (3) insiden dalam sistem yang benar-benar menguji keutuhan sistem grid tersebut yang membuktikan langkah yang diambil oleh SESB dalam memastikan keselamatan sistem grid di Sabah telah berhasil. Di sebabkan kapasiti penjanaan yang masih tidak mencukupi di Pantai Barat Sabah, terdapat kekangan dari segi arus tenaga melalui sambungtara Pantai Barat Sabah ke Pantai Timur. Pembinaan loji arang batu di Pantai Barat Sabah dilihat sebagai penyelesaian kepada masalah tersebut.

Bagi meningkatkan dayaharap sistem pengagihan, tindakan segera perlu diambil untuk menyiapkan pelaksanaan projek-projek peningkatan sistem pengagihan, mewujudkan pusat kawalan pembahagian kawasan dan sistem pemantauan yang berkesan, dan meningkatkan keupayaan dan kompetensi SESB dalam perancangan pembahagian.

Jadual 3: Kos purata Pembekalan Elektrik Di Sabah Tahun 2003-2007


Tahun		2003	2004	2005	2006	2007
Purata Pendapatan	Sen/kWj	26.06	25.42	5.60	4.98	26.52
Kos purata dengan subsidi	Sen/kWj	41.80	37.39	33.71	21.02	28.39
Kos purata tanpa subsidi	Sen/kWj	41.80	37.39	38.97	41.20	41.99
Subsidi bahanapi	RM juta	0	0	145.6	599.2	435.7

Oleh kerana loji-loji penjanaan yang bergantung kepada bahanapi minyak telah berusia, kos pembekalan elektrik di Sabah adalah lebih tinggi berbanding harga jualan. Beberapa projek penjanaan baru menggunakan gas telahpun diluluskan tetapi berlaku kelewatan menyebabkan perancangan untuk memenuhi permintaan tidak dapat dicapai. Tarif elektrik di Sabah juga tidak mencukupi untuk menampung kos pembekalan dan Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM1.2 billion dalam bentuk subsidi bahanapi sehingga tahun 2007 (Jadual 3).

MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA

Mekanisme pengendalian aduan pengguna telah dipertingkatkan dan mula diperkenalkan secara *online*. Bilangan aduan diterima telah meningkat daripada 294 aduan kepada 372 aduan pada tahun 2007 (Jadual 4). Bagaimanapun, aduan mengenai perkhidmatan dan kualiti bekalan secara keseluruhannya telah menurun. Sebahagian besar aduan kualiti bekalan ialah mengenai kejadian voltan luarbiasa yang meningkat dengan begitu ketara daripada 100 kepada 219 (Jadual 4), manakala bagi aduan berkaitan perkhidmatan, paling tinggi ialah aduan mengenai pemasangan / pendawaian merbahaya dan gangguan bekalan elektrik, iaitu masing-masing sebanyak 22% dan 21% (Rajah 13).

Rajah 13: Aduan Mengenai Perkhidmatan Pembekalan Elektrik Tahun 2007



Jadual 4: Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2004 – 2007

Perkhidmatan Pembekalan Elektrik				
Kategori Aduan	Bilangan Aduan Yang Diterima			
	2004	2005	2006	2007
Gangguan bekalan elektrik	15	31	33	31
Permohonan dan penyambungan bekalan elektrik	19	21	18	9
Tarif dan caj-caj	13	14	37	16
Bil elektrik, hal-hal pemetaran, pemotongan dan penyambungan semula bekalan	10	12	39	16
Pemasangan / pendawaian merbahaya	18	5	10	33
Rentis talian penghantaran atau kerosakan pemasangan TNB oleh pihak ketiga	10	16	19	19
Lampu awam, hal-hal bekalan dan perkhidmatan pengguna	16	18	34	23
JUMLAH	101	117	190	147
Voltan luarbiasa	94	57	100	219
<i>Power quality (dips, surges dll)</i>	6	3	4	6
JUMLAH	100	60	104	225
JUMLAH KESELURUHAN	201	177	294	372

MELINDUNGI KEPENTINGAN PENGGUNA

CAJ BEKALAN DI KAWASAN GENTING HIGHLANDS

Sebuah persatuan yang memajukan satu kawasan di Genting Highlands, Pahang telah tidak puas hati dengan keputusan yang dibuat sebelum ini mengenai caj bekalan yang dikenakan oleh pemegang lesen, iaitu Genting *Utilities and Services* Sdn. Bhd. (GUSS), terhadapnya. Dalam menangani isu ini, analisis semula telah dibuat ke atas isu berbangkit, serta mesyuarat dan rundingan telah diusahakan oleh Suruhanjaya dengan kedua-dua pihak. Hasil daripada usaha tersebut, pihak GUSS dan pemaju telah bersetuju dengan prinsip penyelesaian yang dicadangkan Suruhanjaya dan telah mengadakan beberapa perbincangan secara positif bagi mencari penyelesaian muktamad berasaskan prinsip tersebut.



KEBERTERUSAN BEKALAN DI BAGAN TEO CHEW, PULAU KETAM, SELANGOR

Sebagai langkah segera untuk memastikan keberterusan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna di kawasan Bagan Teo Chew di Pulau Ketam ekoran dari kenaikan harga diesel, bantuan subsidi tambahan kepada Syarikat Elektrik Pulau Ketam (SEPK) dicadangkan. Sementara itu, sebagai langkah jangka panjang, Suruhanjaya telah mengeluarkan arahan kepada TNB untuk mengambil alih pembekalan elektrik menggunakan 12 set janakuasa diesel dengan kapasiti penjanaan sebanyak 1,200kW, yang disediakan oleh SEPK di Pulau Ketam.

MENANGANI CABARAN KESELAMATAN

MENGURANGKAN KEMALANGAN ELEKTRIK


Pada 2007, jumlah kemalangan elektrik telah berkurangan kepada 72 kes berbanding 79 kes pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, bilangan kes yang melibatkan kematian adalah masih pada tahap yang sama, iaitu sebanyak 37 kes. Jumlah kematian telah meningkat daripada 35 pada tahun 2006 kepada 38 pada 2007 tetapi jumlah mangsa yang cedera telah berkurangan dari 52 kepada 43.

Kadar kemalangan elektrik bagi setiap sejuta pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia dan Sabah juga menurun daripada 13.8 pada tahun 2006 kepada 12.24 pada tahun berikutnya, manakala kadar maut berkurangan dari 6.49 kepada 6.29. Bagaimanapun, pencapaian ini adalah masih kurang memuaskan jika dibandingkan dengan pencapaian di negara-negara maju seperti Australia dan New Zealand, iaitu pada tahap dua (2) hingga empat (4) kematian bagi sejuta pengguna.

Sebanyak 57% daripada jumlah kemalangan yang berlaku pada 2007 telah berlaku di pemasangan utiliti seperti di pencawang elektrik, talian atas dan kabel bawah tanah. Selain itu, sebanyak 16% kes-kes berlaku di premis domestik, 10% di premis industri, 9% di premis komersil dan 8% di premis milik kerajaan.

Daripada statistik kemalangan-kemalangan yang berlaku dalam tempoh 2002 hingga 2007, pada keseluruhannya, jika dibandingkan dengan situasi pada tahun 2002, jumlah kejadian kemalangan-kemalangan elektrik pada 2007 adalah masih tinggi walaupun alirannya telah mula menurun berbanding 2006 (Rajah 14). Hasil siasatan yang

Rajah 14: Bilangan Kes Kemalangan Elektrik Pada Tahun 2002 - 2007



Jadual 5: Punca-Punca Kejadian Kemalangan Elektrik Bagi Tahun 2002-2007

Punca Kemalangan	Peratus (%)
Pemasangan / selenggaraan tidak sempurna	37.7
Prosedur kerja selamat tidak dipatuhi	32.3
Aktiviti kerja orang awam / pihak ketiga berhampiran talian elektrik	10.7
Pencerobohan di pemasangan elektrik	8
Salahguna sistem pendawaian	2.7
Kecacatan pada peralatan / perkakas elektrik	1.8
Punca-punca lain	6.8

telah dijalankan Suruhanjaya Tenaga menunjukkan punca-punca utama berlakunya kemalangan elektrik (Jadual 5) ialah pemasangan atau selenggaraan yang tidak sempurna (37.7%), prosedur kerja selamat tidak dipatuhi (32.3%) dan aktiviti kerja pihak ketiga berhampiran talian elektrik (10.7%).

Dengan mengambil kira punca-punca kemalangan di atas, bagi mengurangkan kadar kejadian kemalangan elektrik di Semenanjung dan Sabah kepada paras pencapaian yang setanding dengan negara-negara maju, pada 2007, Suruhanjaya telah menyediakan dan mula melaksanakan pelan tindakan untuk mengurangkan kadar kemalangan negara. Pelan tindakan tersebut menggariskan strategi-strategi dan penekanan-penekanan berlandaskan empat (4) pendekatan utama bagi pelaksanaan dalam jangka masa 2007-2010. Empat (4) pendekatan tersebut ialah penguatkuasaan strategik, kajian semula perundangan, peningkatan kesedaran dan peningkatan kapasiti penguatkuasaan. Matlamat pelan tindakan tersebut ialah untuk memupuk budaya keselamatan di kalangan penggiat industri dan pengguna elektrik negara.

MENINGKATKAN PEMATUHAN TERHADAP KEHENDAK PERUNDANGAN

Pada tahun 2007, Suruhanjaya telah mempergiatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi membendung aktiviti-aktiviti yang tidak memenuhi kehendak undang-undang bekalan elektrik dan gas untuk melindungi keselamatan dan kepentingan pengguna dan orang awam.

PEMERIKSAAN KESELAMATAN

Sebagai langkah untuk meningkatkan tahap pematuhan terhadap kehendak-kehendak keselamatan dalam industri pembekalan elektrik, pemeriksaan ke atas pemasangan-pepasangan yang dikenalpasti berisiko tinggi dan pemantauan aktiviti kontraktor-kontraktor dan orang-orang kompeten elektrik telah dipergiatkan bagi memastikan pemasangan, kendalian dan penyenggaraan pemasangan-pepasangan elektrik adalah mengikut Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

PEMANTAUAN AKTIVITI PEMBEKALAN ELEKTRIK TANPA LESEN

Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan terhadap premis-premis yang mengambil bekalan pukal daripada pihak utiliti untuk membekal kepada pengguna-pengguna lain tanpa lesen atau mengenakan tarif yang tidak munasabah serta melanggar Seksyen 9 Akta Bekalan Elektrik 1990 turut dipergiatkan. Usaha tersebut dilaksanakan dengan kerjasama TNB dan Pejabat-Pejabat Kawasan dalam usaha mengenalpasti premis-premis tersebut. Senarai premis yang mengambil bekalan pukal 11kV dan ke atas diperolehi setiap tiga (3) bulan sekali daripada TNB. TNB turut diminta memaklumkan kepada premis baru yang memohon mendapat bekalan elektrik secara pukal untuk memohon lesen daripada Suruhanjaya Tenaga, sekiranya premis tersebut terlibat dalam aktiviti pengagihan / pembekalan dalaman premis. Daripada senarai 390 premis yang diterima, 48 telah dikenalpasti berkemungkinan melanggar peraturan. Kesemua 48 premis telah diminta untuk memohon lesen. Dari 42 yang memberi maklumbalas, 30 daripadanya didapati tiada menjalankan aktiviti pengagihan/pembekalan. Hanya 12 premis yang menjalankan aktiviti pengagihan / pembekalan dan kesemua premis tersebut telah memohon lesen. Setakat ini

lesen tersebut telah dikeluarkan kepada 11 premis dan satu (1) lagi masih dalam proses kelulusan. Sehingga akhir tahun 2007, terdapat enam (6) premis yang belum memberi maklumbalas dan tindakan undang-undang akan dimulakan.

PEMANTAUAN AKTIVITI PEMASARAN KELENGKAPAN ELEKTRIK TANPA KELULUSAN

Terdapat 29 kategori kelengkapan elektrik yang melibatkan 82 model gagal dalam ujian konsainan bagi kelayakan mendapatkan label SIRIM sepanjang tahun 2007. Kebanyakan kelengkapan gagal ujian disebabkan komponen-komponen di dalam kelengkapan tersebut telah ditukar kepada komponen-komponen yang tiada kelulusan. Jumlah semua ujian konsainan yang telah dijalankan oleh SIRIM terhadap kelengkapan-kelengkapan yang diimport dan dikawal adalah sebanyak 9,163 ujian. Jika dibandingkan dengan jumlah ujian yang gagal iaitu sebanyak 82 ujian, maka peratusannya adalah kecil. Pengerakan kelengkapan elektrik gagal dalam ujian tersebut dipantau bagi memastikan ia tidak dipasarkan. Sebanyak 34 syarikat telah dikenakan tindakan memberi surat tunjuk sebab.

PEMBERHENTIAN PENGELUARAN PERAKUAN KEKOMPETENAN ELEKTRIK TERHAD

Sebagai langkah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan orang-orang kompeten yang diperakukan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1993, Suruhanjaya Tenaga telah mengeluarkan Pekeliling kepada institusi-institusi dan pihak-pihak industri yang berkaitan untuk memaklumkan bahawa pengeluaran perakuan kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik Terhad diberhentikan mulai 20 Julai 2007. Bagaimanapun, semua pemegang perakuan

kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik Terhad yang dikeluarkan sebelum ini boleh mendaftar dan menjalankan apa-apa kerja yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 sehingga satu keputusan dibuat berkenaan dengannya kelak.

AUDIT PENGURUSAN DAN KEJURUTERAAN KE ATAS PEMEGANG LESEN GAS

Selaras dengan syarat 13, Lesen Penggunaan Gas, Suruhanjaya telah melantik sebuah firma juruaudit bertauliah untuk menjalankan audit pengurusan dan kejuruteraan yang komprehensif ke atas Gas Malaysia Sdn. Bhd. (GMSB). Audit pada kali ini adalah berbeza dengan audit yang terdahulu pada tahun 2002 di mana proses pelantikan perunding dan pelaksanaannya telah diuruskan oleh GMSB. Objektif utama audit ini adalah untuk menilai prestasi pengurusan dan kejuruteraan GMSB sebagai pemegang lesen penggunaan gas, mengenalpasti isu dan masalah yang dihadapi GMSB dan penyelesaiannya, serta mengenalpasti langkah-langkah penambahbaikan perkhidmatan GMSB.

MEMUPUK KESEDARAN KESELAMATAN

Program peningkatan kesedaran keselamatan elektrik dan gas di kalangan industri dan pengguna terus diberi keutamaan yang memberi fokus kepada golongan-golongan sasar seperti pihak pengguna-pengguna di sektor komersil dan domestik, pihak berkuasa tempatan serta pertubuhan-pertubuhan penggiat industri. Sebanyak 13 seminar dan lapan (8) sesi taklimat diadakan di Semenanjung dan Sabah pada 2007 untuk menyebarkan maklumat dan memupuk kesedaran di kalangan kumpulan sasaran. Maklumat keselamatan turut disebarkan secara meluas melalui media cetak dan elektronik, termasuk laman web Suruhanjaya Tenaga yang boleh diakses dengan mudah. Panduan jawapan kepada soalan-soalan lazim mengenai elektrik berdasarkan kehendak Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 turut diterbitkan di laman web Suruhanjaya Tenaga.

Dua risalah telah diterbitkan untuk panduan orang ramai. Risalah bertajuk "Berminat Untuk Membeli Kelengkapan Elektrik?" adalah bagi membantu pengguna-pengguna untuk memahami cara-cara yang selamat untuk menggunakan kelengkapan elektrik domestik manakala, risalah bertajuk "Kaedah-kaedah Keselamatan Menghadapi Banjir" pula menerangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan tenaga elektrik tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna semasa berlaku banjir.



MENGELUARKAN PERAKUAN-PERAKUAN MENGIKUT KEHENDAK PERUNDANGAN

PERAKUAN KEKOMPETENAN ELEKTRIK

Sejumlah 3,237 calon menduduki pelbagai jenis peperiksaan kekompetenan pada tahun 2007. Hanya 42 dari 60 permohonan yang diterima layak menduduki peperiksaan Jurutera Perkhidmatan Elektrik (JPE), Jurutera Elektrik Kompeten (JEK) dan Penyelia Elektrik (PE) (Jadual 6). Dari bilangan tersebut, 28 calon lulus terdiri dari JKP (26), JEK (10) dan PE (6). Seramai 3,195 menduduki peperiksaan teori kekompetenan bagi sesi 2007 yang diadakan secara serentak di seluruh Pejabat Kawasan pada 8 – 9 Mei 2007. Dari sejumlah 3,195 calon Pendawai dan Penjaga Jentera, 152 calon telah menduduki Peperiksaan Amali dan Lisan.

Sejumlah 6,066 Perakuan kekompetenan dikeluarkan pada tahun 2007, yang mana 4,485 perakuan telah dikeluarkan melalui institusi yang ditauliah dan selebihnya 1,581 dikeluarkan melalui Ibu Pejabat dan Pejabat Kawasan Suruhanjaya Tenaga (Jadual 7).

Sebagai langkah untuk meningkatkan kualiti sistem penilaian peperiksaan kekompetenan yang dilaksanakan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1993, Suruhanjaya Tenaga telah mengadakan satu

Jadual 6: Calon Yang Memohon dan Menduduki Peperiksaan Kekompetenan Tahun 2007

Jenis Peperiksaan	Permohonan	Menduduki Peperiksaan
Penjaga Jentera	2,165	2,165
Pendawai	1,030	1,030
Penyelia Elektrik	16	6
Jurutera Elektrik Kompeten	26	26
Jurutera Perkhidmatan Elektrik	18	10
JUMLAH	3,255	3,237

bengkel penggubalan soalan untuk menyediakan bank soalan-soalan bagi semua kategori kekompetenan Pendawai dan Penjaga Jentera Voltan Rendah untuk diguna pakai oleh semua institusi yang ditauliah. Disamping itu, individu-individu yang mempunyai kepakaran dan berperakuan daripada pihak industri telah dilantik pada 2007 untuk menjadi ahli Panel Pemeriksa bersama pegawai-pegawai Suruhanjaya.

Jadual 7: Jumlah Perakuan Kekompetenan Elektrik Yang Dikeluarkan Pada 2007

	Kategori Perakuan									
	PW	END	PJE	PJ THD	G/S	PK	PE	JP	JK	JUMLAH
Ibu pejabat	-	-	104	-	-	-	4	6	18	132
Pejabat Kawasan	416	265	548	140	79	1	-	-	-	1449
Institusi yang ditauliah	3044	0	1195	188	29	28	-	-	1	4485
JUMLAH	3460	265	1847	328	108	29	4	6	19	6066

Nota: PW: Pendawai, END: Endorsan, PJE: Penjaga Jentera, PJTHD: Penjaga Jentera Terhad, G/S: Ganti sijil, PK: Pencantum kabel, PE: Penyelia, JP: Jurutera Perkhidmatan, JK: Jurutera Kompeten

MENGELUARKAN PERAKUAN-PERAKUAN MENGIKUT KEHENDAK PERUNDANGAN

PERAKUAN KEKOMPETENAN GAS

Sejumlah 627 Perakuan kekompetenan gas dikeluarkan sepanjang tahun 2007, terdiri dari Jurutera Gas (73), Penyelia Kejuruteraan Gas (227) dan Jurugegas Gas-Kelas I-III (291). Daripada jumlah yang diperakuan tersebut, 303 orang kompeten (48.33%) berdaftar dengan Suruhanjaya pada tahun 2007 (Jadual 8).

PENTAULIAHAN INSTITUSI LATIHAN KEKOMPETENAN

Bagi tahun 2007, sebanyak 23 buah institusi baru dan institusi sedia ada yang menambah kursus telah diiktiraf bagi menjalankan kursus dan peperiksaan kekompetenan elektrik. Institusi-institusi tersebut terdiri daripada 10 Pusat GIATMARA, lima (5) Institut Latihan Perindustrian (ILP), tiga (3) Akademi Binaan Malaysia (ABM), dua (2) Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan, Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC), dan Politeknik Kota Kinabalu.

Audit menyeluruh ke atas lima (5) buah institusi dan taklimat/mesyuarat dengan lima (5) buah lagi institusi telah dijalankan sebagai langkah bagi memastikan institusi-institusi yang ditauliahkan sentiasa mematuhi syarat-syarat pentaualihan. Seminar/dialog turut dianjurkan untuk memberi pemahaman berkaitan orang kompeten kepada semua pihak yang terlibat, termasuk orang-orang kompeten dan institusi yang ditauliah.

Jadual 8: Bilangan Orang Kompeten Gas Berdaftar Tahun 2007

Jenis Pendaftaran Kontraktor Gas	Pembaharuan	Pendaftaran Baru	Jumlah
Jurutera Gas	32	6	38
Penyelia Kejuruteraan Gas	74	37	111
Jurugegas Gas			
Kelas I	91	30	121
Kelas II	31	24	55
Kelas III	60	7	67
JUMLAH	199	104	303

Jadual 9: Jumlah Kontraktor Elektrik Yang Berdaftar

Kategori Kontraktor	Bilangan
Kontraktor Perkhidmatan Elektrik	82
Kontraktor Elektrik (kelas A,B,C,D)	4,492
Kontraktor Papantanda Elektrik	7
Pengilang Papan Suis (voltan tinggi & rendah)	186
Kontraktor Pembaikan	383
Unit Pendawaian Persendirian	7
JUMLAH	5,157

PENDAFTARAN KONTRAKTOR ELEKTRIK

Perlaksanaan kerja-kerja elektrik perlu dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang berdaftar dan masih sah pendaftarannya dengan Suruhanjaya Tenaga bagi memastikan pemasangan dan penyenggaraan kerja-kerja elektrik dilaksanakan mengikut kehendak Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Terdapat sejumlah 5,157 kontraktor yang berdaftar di Suruhanjaya Tenaga pada akhir 2007 (Jadual 9). Mulai tahun 2007, maklumat kontraktor berdaftar turut dipaparkan melalui laman web Suruhanjaya Tenaga.

PENDAFTARAN KONTRAKTOR GAS

Pada tahun 2007, 16 firma kontraktor gas berpaip baru telah didaftarkan yang terdiri dari enam (6) kontraktor Kelas A, empat (4) kontraktor Kelas B dan enam (6) lagi kontraktor Kelas C, menjadikan keseluruhan kontraktor gas berdaftar pada tahun tersebut berjumlah 127 (Jadual 10).

Jadual 10: Jumlah Kontraktor Gas Pada 2007

Jenis Pendaftaran Kontraktor Gas	Pembaharuan	Pendaftaran Baru	Jumlah
Kelas A	49	6	55
Kelas B	42	4	46
Kelas C	17	6	23
Kelas D	3	0	3
JUMLAH	111	16	127

KELULUSAN KELENGKAPAN ELEKTRIK

Sepanjang tahun 2007, sebanyak 5,014 permohonan baru diterima untuk mendapatkan Perakuan Kelulusan bagi tujuan pengimportan dan pengilangan kelengkapan elektrik domestik. Dari jumlah tersebut 3,778 permohonan telah diluluskan. Dari sejumlah 2,641 permohonan pembaharuan, hanya 1,921 yang memberi maklum balas dan berminat untuk memperbaharui perakuan bagi meneruskan pengimportan kelengkapan elektrik untuk tahun berikutnya (Jadual 11).

Jadual 11: Perakuan Kelulusan dan Perakuan Kelulusan Diperbaharui

Kategori Pembaharuan	Jumlah	Kategori Permohonan	Permohonan Baru	
	Jumlah		Terima	Lulus
Tujuan Mengimpot	1,155	Tujuan Mengimpot	3,688	2,797
Tujuan Mengilang	766	Tujuan Mengilang	1,289	944
Jumlah Perakuan Kelulusan dikeluarkan	1,921	Tujuan Pameran	37	37
Jumlah Permohonan yang diterima	2641	Jumlah	5,014	3,778

MENGELUARKAN PERAKUAN-PERAKUAN MENGIKUT KEHENDAK PERUNDANGAN

Dari sejumlah 1501 permohonan kelengkapan elektrik domestik yang diimport, 1346 mendapat surat pelepasan tahanan Kastam. Kelengkapan elektrik diimport diluluskan untuk tujuan seperti pengujian, transit, kajian, sampel bagi tujuan pengilangan dan lain-lain. Surat pelepasan bagi membawa masuk kelengkapan yang tidak di bawah kawalan serta permohonan import bagi tujuan kegunaan sendiri atau peribadi turut dikeluarkan.

KELULUSAN KELENGKAPAN GAS

Pada tahun 2007, lima (5) pengilang dan tiga (3) pengimport gagasan (*fittings*), perkakas (*appliances*) atau kelengkapan (*equipment*) gas telah diluluskan berbanding empat (4) pengilang dan 13 pengimport pada 2006. Sehingga akhir 2007, sejumlah 122 syarikat telah diluluskan, yang terdiri daripada 69.67% pengimport dan 30.33% pengilang.

Pada tahun 2007 juga, sejumlah 32 jenis peralatan gas telah diluluskan berbanding 78 kelulusan pada tahun sebelumnya. Komponen-komponen sistem talian paip gas yang diluluskan ialah paip dan gagasan *polyethylene*, meter, injap bebola (*ball valve*), pengatur tekanan (*regulator*) dan alatan pengesan kebocoran gas (*gas leak detector*). Sehingga 2007, sejumlah 459 jenis gagasan, perkakas dan kelengkapan gas telah diluluskan.

PENDAFTARAN DAN KELULUSAN PEPASANGAN

Pemasangan elektrik perlu direkabentuk, dipasang, diuji dan dimulatugas sebelum ianya boleh digunakan oleh pengguna bangunan. Selaras dengan itu, Pendaftaran Pemasangan elektrik perlu didaftar untuk memastikan keselamatannya. Pada 2007, terdapat 7,231 pemasangan elektrik yang berdaftar dan masih sah perakuan pendaftarannya di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Pemasangan talian paip gas juga memerlukan kelulusan untuk memasang dan kelulusan untuk mengendali daripada Suruhanjaya. Pada 2007, jumlah kelulusan untuk memasang sistem talian paip LPG adalah 539 dan sistem gas asli adalah 155. Sebanyak 643 kelulusan telah dikeluarkan pada 2007 berbanding 491 pada tahun 2006, iaitu peningkatan sebanyak 31%. Jumlah kelulusan bagi sistem LPG telah meningkat 62.7% kepada 493 kelulusan. Kekangan gas asli di semenanjung telah menyumbang kepada penurunan jumlah permohonan kelulusan untuk memasang dan mengendali sistem gas asli.



MENGGALAKKAN KECEKAPAN TENAGA

PENGECCUALIAN CUKAI SEKTOR TENAGA

Insentif pengecualian cukai yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan penjimatan tenaga di pelbagai sektor mendapat sambutan baik. Sebanyak 17 permohonan baru diterima untuk projek-projek penjimatan/kecekapan tenaga dan tenaga yang diperbaharui pada tahun 2007. Dari penilaian teknikal 10 permohonan, enam (6) projek telah diluluskan. Mulai bulan Oktober 2007, semua permohonan untuk mendapatkan insentif tersebut dimajukan terus kepada *Malaysia Industrial Development Authority* (MIDA).

PROGRAM PELABELAN STAR RATING UNTUK PETI SEJUK

Program pelabelan mula diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran penggunaan peti sejuk cekap tenaga. Program tersebut mendapat sokongan dan kerjasama daripada pengeluar-pengeluar peti sejuk yang mana pengeluar secara sukarela telah menghantar peti sejuk untuk ujian SIRIM untuk menentukan tahap kecekapan tenaga melalui *Star Rating* mengikut setiap model. Pada tahun 2007, dua (2) pengeluar jenama Toshiba dan Panasonic memohon untuk mendapatkan penilaian *Star Rating* dan lima (5) model peti sejuk telah diluluskan menggunakan lebel *Star Rating* Suruhanjaya Tenaga.



MENGUKUHKAN ORGANISASI DALAMAN

PENSTRUKTURAN SEMULA ORGANISASI

Penstrukturan semula organisasi dalaman dilaksanakan selaras dengan Misi, Visi dan Nilai Teras baru Suruhanjaya Tenaga yang dilancarkan pada tahun 2007. Bagi menyokong keperluan tersebut, kajian penilaian semula jawatan dan keperluan sumber manusia turut dimulakan pada tahun tersebut. Sehingga Disember 2007, Suruhanjaya mempunyai 186 bilangan tenaga kerja, terdiri dari 92 kakitangan eksekutif dari pelbagai disiplin dan 94 kakitangan kumpulan sokongan. Pada tahun 2007, Suruhanjaya Tenaga telah membekukan semua pengisian kekosongan jawatan dan pelantikan kakitangan baru sehingga kajian tersebut selesai.

KAJIAN SEMULA TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN

Kajian Semua Terma dan Syarat Perkhidmatan juga dimulakan dan selesai pada bulan Julai 2007. Kajian tersebut telah dilaksanakan oleh syarikat jururunding sumber manusia. Kajian semula tersebut bertujuan untuk mengekalkan tenaga kerja dalaman di samping dapat menarik kakitangan luar bagi menyediakan satu kumpulan tenaga kerja yang berwibawa. Struktur perjawatan dan tanggungaji yang lebih menarik yang berasaskan kompetensi juga dicadangkan bagi menarik tenaga pekerja yang bersesuaian dan berpengalaman yang diharap dapat membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsi kawalselia dengan lebih efektif.

PEMBANGUNAN KEUPAYAAN WARGA KERJA

Sepanjang tahun 2007, fokus pembangunan keupayaan warga kerja beralih daripada penyertaan kakitangan dalam seminar dan persidangan, kepada penyertaan dalam latihan dan kursus yang benar-benar mampu memberi kemahiran dalam tugas-tugas yang berkaitan. Bagi melatih kakitangan dalam bidang kawalselia ekonomi, dua (2) pegawai dihantar untuk mengikuti kursus *Economic Regulation of Infrastructure* anjuran *East Asia and Pacific Infrastructure Regulatory Forum* (EAPIRF) di Jakarta, Indonesia pada bulan November 2007. Kursus kali ini menumpu kepada latihan asas ekonomi dan teknik-teknik pengiraan hasil utiliti dan penetapan tarif. EAPIRF merupakan forum pertubuhan badan kawalselia ekonomi serantau Asia Pacific, yang turut menyediakan pelbagai kursus dan latihan, bertujuan untuk membangunkan skil teknikal dan asas-asas bidang kawalselia ekonomi untuk kakitangan badan-badan kawalselia di rantau tersebut.

Suruhanjaya bersama ADICA Consulting juga menganjurkan kursus *WASP Generation Capacity Planning* yang disertai oleh lebih dari 10 pegawai serta tujuh (7) peserta lain dari industri berkaitan bagi melatih kemahiran menggunakan WASP dalam perancangan kapasiti. Seorang pegawai lagi turut dihantar menyertai kursus *Introduction to Energy Regulation* anjuran *Energy Regulator Regional Association* (ERRA) di Budapest.

PENAMBAHBAIKAN SISTEM

SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT

Web Portal Suruhanjaya yang mula dibangunkan pada tahun lepas telah siap pada tahun 2007. Web Portal yang menggantikan laman web sebelumnya telah memasukkan beberapa komponen baru yang sesuai dengan perkembangan teknologi web terkini untuk pengurusan kandungan web yang dinamik dan interaktif. Penambahbaikan juga dibuat dalam aspek rekabentuk dan pengolahan struktur kandungan serta menggabungkan *Energy Commission Information System* (ECIC), menjadikannya sebagai satu sistem pengurusan maklumat bersepadu.

SISTEM PEMROSESAN BERKOMPUTER

Bagi melancarkan perjalanan operasi sistem pemprosesan, penambahbaikan *Energy Commission Operational System* (ECOS) bagi memproses permohonan dan kelulusan berkaitan kawalselia keselamatan terus dilaksanakan. Penambahbaikan tersebut dibuat dalam enam (6) Modul, termasuk menambahkan fungsi baru di dalam sistem tersebut. Latihan kepada pengguna juga diteruskan terutama kepada kakitangan baru atau untuk memahami proses baru atau yang ditambah. Pada tahun ini juga perbincangan dan kajian pembangunan sistem antaramuka e-Permit dan ECOS juga turut dijalankan bagi memastikan integrasi kedua-dua sistem berjalan lancar. Kajian juga turut dibuat bagi penambahbaikan sistem secara *online*.

SISTEM AUTOMASI PEJABAT

Langkah awal untuk membangunkan sistem automasi pejabat juga dimulakan pada tahun ini melalui kajian terperinci keperluan sistem tersebut. Sistem ini dicadangkan memandangkan Suruhanjaya kini mempunyai sistem berasaskan web / intranet dan oleh itu, mampu mengambil alih proses dalaman berkaitan permohonan, penyokongan dan kelulusan dalam beberapa aspek perkhidmatan sokongan yang sekarang dilakukan secara manual. Langkah ini akan mengurangkan penggunaan kertas dan lebih cepat.

KALENDAR AKTIVITI 2007

Januari

- Rundingan semula PPA diteruskan.
- 25
Danish - Malaysian Energy & Environmental Forum, KLCC.

Mac

- Jemaah Menteri memutuskan supaya rundingan semula PPA dihentikan dan sumbangan IPP kepada Tabung Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik dinaikkan. Suruhanjaya Tenaga mengkaji mekanisme pelaksanaan dan kuantum kenaikan.
- Kajian Semula ke atas terma dan syarat perkhidmatan serta perjawatan dan keperluan tenaga kerja Suruhanjaya Tenaga dilancarkan.
- 3
Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pembekalan Arang Batu.
- 15
Cadangan pelan perancangan kapasiti penjanaan industri pembekalan elektrik dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaksanaan Perancangan Pembekalan Elektrik dan Tarif.
- 21 – 23
The 10th Annual Asia Power & Energy Congress 2007 di Singapura.
- 28
Pelancaran kempen keselamatan elektrik dan gas untuk pengguna-pengguna di Semenanjung dan Sabah.

April

- 9 – 10
Mesyuarat Peringkat Menteri ke Enam Forum Negara – Negara Pengekspot Gas (GECF) di Doha, Qatar.
- 19 – 20
Champion of the Earth, Global Business Summit for the Environment 2007 di Singapura.

Mei

- 3 – 4
Bengkel cadangan pindaan-pindaan ke atas Akta Bekalan Elektrik.
- 8 – 9
Peperiksaan kekompetenan (teori) diadakan bagi calon-calon persendirian Penjaga Jentera dan Pendawai di Semenanjung dan Sabah.
- 10
Pelancaran program audit ke atas kursus-kursus kekompetenan di Pusat-Pusat GIATMARA di Semenanjung dan Sabah.
- 28 – 29
Islamic Economic Forum, PWTC, Kuala Lumpur.

Jun

- 5
Mesyuarat Panel Perunding Tenaga telah membincangkan cadangan pindaan Akta Bekalan Elektrik, rundingan semula PPA dan status pembekalan gas negara.
- 14
Pelancaran program seminar-seminar peningkatan pengetahuan dan kemahiran orang-orang kompeten.
- 17
Malaysia – Indonesia Investment & Finance Summit di Jakarta, Indonesia.

Jun

- **20 – 25**
Lawatan YB Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi kerja ke Jepun.
- **28**
Upacara pecah tanah projek pembinaan bangunan Suruhanjaya Tenaga di Putrajaya oleh Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi, dan taklimat Suruhanjaya Tenaga kepada Menteri.

Julai

- Pembentangan Cadangan mekanisme mengatasi isu harga dan bekalan gas kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Tenaga serta penyelarasan keputusan di antara tiga (3) Menteri (iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi).
- **2 – 13**
Kursus perisian *Wien Automatic System Planning (WASP)* bagi menyediakan pelan perancangan kapasiti penjanaan.
- **12**
Pelantikan *The Energy Resources Institute (TERI)* untuk mengkaji semula Kanun Grid dan Kanun Pengagihan untuk Semenanjung Malaysia.
- **18 – 19**
Kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sarawak YAB Pehin Sri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan Pejabat Bahagian Pembekalan Elektrik Sarawak.
- **20**
Lawatan ke Substesyen Segalut dan Barge di Sandakan, Sabah serta taklimat SESB mengenai keadaan semasa industri bekalan elektrik di negeri Sabah bagi memahami isu-isu berkaitan dengannya.

Ogos

- **7**
YB Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi meluluskan kenaikan angkadar kuasa minimum daripada 0.85 ke 0.9 bagi pengguna-pengguna yang mengambil bekalan voltan tinggi, iaitu 132 kV dan ke atas.
- **22**
Cadangan Kajian Semula Terma dan Syarat Perkhidmatan dan Penilaian Semula Perjawatan dan Keperluan Tenaga Kerja Suruhanjaya Tenaga dikemukakan untuk kelulusan YB Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.
- **23 – 24**
ASEAN Minister Energy Meeting (AMEM) di Singapura.
- **24**
Cadangan pindaan-pindaan ke atas Akta Bekalan Elektrik 1990 dikemukakan untuk pertimbangan YB Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

September

- MoU di antara Suruhanjaya Tenaga dan *Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia* bagi penyediaan *Blueprint* Tenaga ditandatangani.
- Draf standard bekalan dan perkhidmatan baru disediakan, yang menetapkan tahap-tahap perkhidmatan minimum (MSL) dan tahap-tahap perkhidmatan yang dijamin (GSL) dan GSL dikenakan penalti jika gagal mematuhi.
- **4**
Malaysian Energy & Climate Change Dialogue, Kuala Lumpur.
- **11**
Penyampaian Anugerah Cemerlang kepada 11 kakitangan Suruhanjaya Tenaga oleh YB Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dalam Majlis Aspirasi Suruhanjaya Tenaga.

September

- 11
Pelancaran Web Portal ST yang baru bersama Pelancaran Visi, Misi dan Nilai Teras Suruhanjaya Tenaga oleh YB Menteri Tenaga Air dan Komunikasi.
- 11 – 14
Anggota dan pegawai kanan Suruhanjaya Tenaga menyertai Persidangan *Meeting Of The Minds* dan membuat lawatan rasmi ke *California Energy Commission* di USA.
- 20
Pelantikan perunding untuk menjalankan audit pengurusan dan kejuruteraan ke atas pemegang lesen penggunaan gas, Gas Malaysia Sdn Bhd.

Oktober

- Pelaksanaan program memperkemas petunjuk prestasi loji-loji penjanaan dan membangunkan sistem pelaporan yang seragam bagi operasi dan senggaraan loji-loji penjanaan berdasarkan *Standard IEEE* secara *online*.
- 4
Suruhanjaya Tenaga menandatangani MOU dengan *New Energy And Industrial Technology Development Organisation* (NEDO) Japan bagi pelaksanaan projek *Stabilized and Advanced Grid-Connected Photovoltaic Systems*.
- 5
Penyampaian taklimat oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya Tenaga mengenai panduan keselamatan elektrik melalui Rancangan Selamat Pagi Malaysia.
- 24 – 29
The Meridian 2007 Conference di Stockholm, Sweden.

November

- 14 – 20
Pegawai-pegawai menyertai kursus *Economic Regulation of Infrastructure Course* bersama *The East Asia and Pacific Infrastructure Regulatory Forum* (EAPIRF) di Jakarta, Indonesia.
- 21
Suruhanjaya Tenaga menghoskan *4th ASEAN Joint Sectoral Committee for Electrical and Electronic Equipment* (JSC EEE) *Mutual Recognition Arrangement* (MRA) Meeting di Kuala Lumpur.

Disember

- 3
Penyertaan Dalam *ISIS Fifth East Asia Congress*, Kuala Lumpur.
- 4
Taklimat Wilayah Pembangunan Iskandar, Johor oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar dan lawatan ke Nusajaya, *The Flagship Zone* Wilayah Pembangunan Iskandar.
- 10
Bengkel maklumbalas industri mengenai cadangan pindaan ke atas *Electricity Grid Code* dan penggubalan *Electricity Distribution Code* baru.
- 13
Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pembekalan Arang Batu.
- 14
Penyertaan Dalam dialog bersama Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang, Kuala Lumpur.



penyata kewangan

1 Januari hingga 31 Disember 2007

KENYATAAN PARA ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA

Pada pendapat para anggota, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 61 hingga 70, telah disediakan mengikut amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia supaya memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Suruhanjaya Tenaga pada 31 Disember 2007 dan pendapatan dan perbelanjaan serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Para Anggota Suruhanjaya Tenaga.



DATO' IR. PIAN BIN SUKRO
Pengerusi



DATUK AWANG HAJI SAMAT
Anggota

Kuala Lumpur,

Tarikh: 29 Julai 2008

PERAKUAN BERKANUN

Saya, Zarina Mohd Noor, pegawai yang terutama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Suruhanjaya Tenaga, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 61 hingga 70, adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 29 Julai 2008



ZARINA MOHD NOOR

Di hadapan saya:



Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur, Malaysia

Lot LG 77B, Lower Ground Floor,
Wilayah Complex,
2, Jalan Muntri Abdullah,
50100 Kuala Lumpur,
MALAYSIA

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA PARA ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA

LEMBARAN IMBANGAN

Pada 31 Disember 2007

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 61 hingga 70. Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab Para Anggota Suruhanjaya Tenaga.

Adalah tanggungjawab kami untuk memberi pendapat bebas, berdasarkan pengauditan kami, ke atas penyata kewangan dan melaporkan pendapat kepada Para Anggota Suruhanjaya Tenaga, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

Kami melakukan pengauditan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memberi jaminan yang wajar bahawa penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah nyata yang penting. Audit merangkumi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang berkaitan dengan jumlah dan pernyataan di dalam penyata kewangan. Audit juga termasuk penilaian terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh Para Anggota Suruhanjaya berserta dengan penilaian yang menyeluruh terhadap penyata kewangan. Kami percaya pengauditan kami memberi asas yang wajar terhadap pendapat kami.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan dengan sempurna mengikut amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan Suruhanjaya Tenaga pada 31 Disember 2007 dan pendapatan dan perbelanjaan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



KPMG
Nombor Firma: AF 0758
Akauntan Berkanun

Petaling Jaya,

Tarikh: 29 Julai 2008

	Nota	2007 RM	2006 RM
Hartanah, kelengkapan dan peralatan	3	13,841,300	1,297,505
Pelaburan		91,000	91,000
Aset Semasa			
Pelbagai penghutang	4	188,704	173,344
Tunai dan bersamaan tunai	5	162,632,377	139,934,695
		<u>162,821,081</u>	<u>140,108,039</u>
Liabiliti semasa			
Pelbagai pemiutang		1,116,075	973,108
Peruntukan cukai		1,235,270	981,414
		<u>2,351,345</u>	<u>1,954,522</u>
Aset Semasa Bersih		<u>160,469,736</u>	<u>138,153,517</u>
		<u>174,402,036</u>	<u>139,542,022</u>
Dibiayai oleh:-			
Dana terkumpul	6	<u>174,402,036</u>	<u>139,542,022</u>

Penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan untuk pengedaran oleh Para Anggota Suruhanjaya Tenaga pada 29 Julai 2008

Nota-nota di muka surat 64 hingga 70 merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2007

	Nota	2007 RM	2006 RM
Pendapatan			
Yuran dan caj		53,865,498	59,760,002
Pendapatan faedah		4,728,573	3,271,381
Pelbagai pendapatan		2,154	21,566
		<hr/>	<hr/>
		58,596,225	63,052,949
Tolak: Perbelanjaan			
Kos kakitangan	8	12,524,945	12,831,818
Perbelanjaan pentadbiran		7,763,431	11,788,096
Susutnilai	3	651,582	1,198,665
Pelbagai perbelanjaan operasi		1,635,649	159,339
		<hr/>	<hr/>
		22,575,607	25,977,918
Lebihan pendapatan sebelum cukai			
		36,020,618	37,075,031
Cukai	7	(1,160,604)	(894,216)
		<hr/>	<hr/>
Lebihan pendapatan bersih bagi tahun semasa		34,860,014	36,180,815

Penyata keuntungan dan kerugian yang diiktiraf

Suruhanjaya tiada keuntungan dan kerugian yang lain selain daripada lebihan pendapatan bersih bagi tahun semasa.

Nota-nota di muka surat 64 hingga 70 merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2007

	2007 RM	2006 RM
Aliran tunai dari aktiviti operasi		
Lebihan pendapatan sebelum cukai	36,020,618	37,075,031
Pelarasan bagi:		
Pendapatan faedah	(4,728,573)	(3,271,381)
Susutnilai	651,582	1,198,665
Keuntungan dari pelupusan hartanah, kelengkapan dan peralatan	-	(20,666)
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	31,943,627	34,981,649
Perubahan dalam modal kerja:		
Pelbagai penghutang	(15,360)	(1,571)
Pelbagai pemiutang	142,967	(193,945)
	<hr/>	<hr/>
Tunai diperolehi dari aktiviti operasi	32,071,234	34,786,133
Bayaran cukai	(906,748)	(1,013,377)
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih yang diperolehi dari aktiviti operasi	31,164,486	33,772,756
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Pembelian hartanah, kelengkapan dan peralatan	(13,195,377)	(585,666)
Pendapatan faedah	4,728,573	3,271,381
Perolehan dari penjualan hartanah, kelengkapan dan peralatan	-	20,666
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih yang diperolehi dari aktiviti pelaburan	(8,466,804)	2,706,381
Penambahan bersih tunai dan bersamaan tunai	22,697,682	36,479,137
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	139,934,695	103,455,558
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	162,632,377	139,934,695
Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada:		
Wang tunai dan baki di bank	8,738,672	4,046,419
Deposit di bank berlesen	153,893,705	135,888,276
	<hr/>	<hr/>
	162,632,377	139,934,695

Nota-nota di muka surat 64 hingga 70 merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. Kegiatan utama

Suruhanjaya Tenaga (Suruhanjaya) merupakan agensi pengawalselia tunggal bagi pengawalseliaan dan pembangunan sektor tenaga. Suruhanjaya mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan penjaan tenaga termasuk mengawalselia setiap individu yang berlesen bawah *Akta Suruhanjaya Tenaga, 2001*.

2. Ringkasan dasar perakaunan utama

Dasar perakaunan berikut diamalkan oleh Suruhanjaya dan adalah konsisten dengan yang diterima pakai pada tahun sebelum ini.

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

(b) Hartanah, kelengkapan dan peralatan

Hartanah, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul.

Susutnilai

Susutnilai bagi hartanah, kelengkapan dan peralatan dikira berdasarkan kaedah asas garis lurus ke atas anggaran jangka masa guna aset berkenaan.

Kadar tahunan susutnilai adalah seperti berikut:

Peralatan pejabat	15%
Sistem aplikasi dan komputer	33 1/3%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot, kelengkapan dan ubah suai	20%

(c) Pelaburan

Pelaburan merupakan keahlian kelab yang digunakan oleh kakitangan.

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos. Peruntukan dibuat apabila Para Anggota berpendapat bahawa wujud penurunan yang kekal terhadap nilai pelaburan tersebut.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2. Ringkasan dasar perakaunan utama (bersambung)

(d) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada kos.

(e) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai mengandungi wang tunai, baki dan deposit di bank dan pelaburan dengan kadar kecairan tinggi yang tidak memberi risiko nyata dalam perubahan nilai pelaburan.

(f) Liabiliti

Pemiutang dinyatakan pada kos.

(g) Rosot nilai

Nilai bawaan bagi aset-aset Suruhanjaya dan aset kewangan disemak semula pada setiap tarikh lembaranimbangan untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, nilai perolehan semula akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan jika nilai bawaan aset tersebut telah dinilai semula, di mana ianya dikenakan ke rizab. Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila nilai gunaan bagi aset atau aset yang dipunyai oleh unit-penghasilan tunai melebihi nilai penampungnya.

Amaun penampungan adalah nilai yang lebih besar antara harga jualan bersih harta tersebut dan nilai gunaannya. Dalam menentukan nilai gunaan, anggaran nilai tunai masa depan akan didiskaunkan kepada nilai terkini menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai masa tunai dan risiko-risiko khusus atas harta tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunainya secara tersendiri, amaun penampungan ditentukan untuk aset yang dipunyai oleh unit-penghasilan tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset yang lain, kerugian rosot nilai akan diambilkira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun penampungan.

Kerugian rosot nilai hanya akan dikirapulih ke tahap nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi nilai bawaan asal, setelah ditolak susutnilai, seolah-olah kerugian rosot nilai tidak pernah dikenakan. Kirapulih tersebut akan dikenakan ke penyata pendapatan, melainkan jika kirapulih tersebut dikenakan kepada aset yang dinilai semula, ianya akan dikenakan ke ekuiti.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2. Ringkasan dasar perakaunan utama (bersambung)

(h) Cukai

Cukai di dalam penyata pendapatan mengandungi cukai tahun semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali ianya berkaitan dengan perkara-perkara yang diiktiraf terus dalam ekuiti di mana ianya akan diiktiraf dalam ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh lembaran imbalan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah tanggungan untuk semua perbezaan masa terhasil di antara kadar cukai aset dan tanggungan dan nilai di bawa dalam penyata kewangan. Perbezaan bersifat sementara tidak diiktiraf bagi muhibah, yang tidak dibenarkan bagi tujuan percukaian, dan pada permulaan pengiktirafan aset atau tanggungan dimana pada masa transaksi ianya tidak mempengaruhi keuntungan berkanun dan keuntungan yang boleh dikenakan cukai. Jumlah cukai tertunda yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada jangkaan cara realisasi atau penyelesaian bagi nilai di bawa aset dan tanggungan, menggunakan kadar cukai diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh lembaran imbalan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada mana ianya berkemungkinan keuntungan yang boleh dikenakan cukai di masa hadapan boleh diperolehi dari aset yang digunakan.

(i) Manfaat pekerja

i) Manfaat pekerja jangka pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja-pekerja Suruhanjaya. Cuti jangka pendek berbayar terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang akan meningkatkan kelayakan pekerja ke atas cuti berbayar hadapan, dan cuti berbayar jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila cuti berlaku.

ii) Pelan sumbangan tetap

Mengikut undang-undang, majikan di Malaysia yang berkelayakan diwajibkan memberi sumbangan tetap ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan. Tanggungan untuk pelan sumbangan tetap, diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa di dalam penyata pendapatan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2. Ringkasan dasar perakaunan utama (bersambung)

(j) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua perbelanjaan dikira mengikut asas akrual. Pendapatan dari yuran dan caj diambil kira mengikut asas tunai memandangkan tanggungjawab pembayaran tahunan adalah pada pemegang-pemegang lesen. Pendapatan faedah juga diambil kira mengikut asas tunai.

3. Hartanah, kelengkapan dan peralatan

	Kerja dalam pembinaan	Perabot,engkapan dan ubahsuai	Peralatan pejabat	Sistem aplikasi dan komputer	Kenderaan bermotor	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos						
Pada 1 Januari 2007	-	2,870,720	824,929	1,839,714	1,684,389	7,219,752
Penambahan	12,914,550	7,270	14,882	77,065	181,610	13,195,377
Pada 31 Disember 2007	12,914,550	2,877,990	839,811	1,916,779	1,865,999	20,415,129
Susutnilai terkumpul						
Pada 1 Januari 2007	-	2,669,502	454,682	1,729,251	1,068,812	5,922,247
Susutnilai tahun semasa	-	128,381	125,782	81,180	316,239	651,582
Pada 31 Disember 2007	-	2,797,883	580,464	1,810,431	1,385,051	6,573,829
Nilai buku bersih						
Pada 31 Disember 2007	12,914,550	80,107	259,347	106,348	480,948	13,841,300
Pada 31 Disember 2006	-	201,218	370,247	110,463	615,577	1,297,505
Susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2006	-	574,144	123,739	136,821	363,961	1,198,665

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

4. Pelbagai penghutang	2007 RM	2006 RM
Pelbagai penghutang dan deposit	188,704	173,344
5. Tunai dan bersamaan tunai		
5. Tunai dan bersamaan tunai	2007 RM	2006 RM
Wang tunai dan baki di bank	8,738,672	4,046,419
Deposit di bank berlesen	153,893,705	135,888,276
	162,632,377	139,934,695
6. Dana terkumpul		
6. Dana terkumpul	2007 RM	2006 RM
Pada 1 Januari	139,542,022	103,361,207
Lebih pendapatan bersih bagi tahun semasa	34,860,014	36,180,815
Pada 31 Disember	174,402,036	139,542,022
7. Cukai		
7. Cukai	2007 RM	2006 RM
Perbelanjaan cukai semasa		
• tahun semasa	1,235,270	981,414
• lebih pada tahun terdahulu	(74,666)	(87,198)
	1,160,604	894,216
<i>Penyesuaian kadar cukai efektif</i>		
<i>Penyesuaian kadar cukai efektif</i>	2007 RM	2006 RM
Lebih pendapatan sebelum cukai	36,020,618	37,075,031
Cukai mengikut kadar cukai di Malaysia	9,725,567	10,381,009
Pendapatan yang dikecualikan cukai	(8,490,297)	(9,399,595)
	1,235,270	981,414
Lebih peruntukan pada tahun terdahulu	(74,666)	(87,198)
Perbelanjaan cukai	1,160,604	894,216

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

7. Cukai (bersambung)

Suruhanjaya Tenaga telah mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 127(3)b Akta Cukai Pendapatan 1967 yang diberikan oleh Kementerian Kewangan pada 19 Oktober 2004. Pengecualian cukai tersebut diberikan di peringkat pendapatan berkanun hanya ke atas pendapatan berikut:

- i. pendapatan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dalam bentuk suatu pemberian atau subsidi;
- ii. pendapatan yang diterima berkenaan dengan suatu amaun yang boleh dikenakan ke atas atau dipungut daripada mana-mana orang mengikut peruntukan Akta yang mengawal selia pihak berkuasa berkanun; dan
- iii. derma atau sumbangan yang diterima.

8. Maklumat kakitangan

Jumlah purata kakitangan Suruhanjaya Tenaga sepanjang tahun ialah 176 (2006 - 185). Termasuk di dalam kos kakitangan adalah sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM1,304,340 (2006 - RM1,317,795)

9. Komitmen modal

Hartanah, kelengkapan dan peralatan

Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan
Diluluskan dan dikontrakkan

	2007 RM	2006 RM
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan	786,000	61,012,000
Diluluskan dan dikontrakkan	90,533,207	-
	91,319,207	61,012,000

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

10. Instrumen kewangan

Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan

Suruhanjaya mempunyai polisi kawalan risiko dan garis panduan yang mencirikan keseluruhan strategi-strategi pelaburan, toleransi terhadap risiko dan dasar kawalan risiko secara am. Pihak atasan melakukan tinjauan untuk memastikan garis panduan yang ditetapkan tersebut dipatuhi.

Risiko kredit

Suruhanjaya mengamalkan polisi dimana tunai dan bersamaan tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen.

Risiko kadar faedah

Dalam senario kadar faedah yang meningkat, Suruhanjaya melaburkan lebih tunai di dalam akaun simpanan tetap.

Analisis perubahan kadar faedah efektif

Untuk aset pelaburan yang menerima faedah, jadual yang berikut menunjukkan kadar faedah efektif pada tarikh lembaran imbangan dan jangka masa di mana kadar faedah efektif berubah atau tempoh matang, mana yang terdahulu.

	2007			2006		
	Kadar faedah efektif %	Total RM	Dalam 1 tahun RM	Kadar faedah efektif %	Total RM	Dalam 1 tahun RM
Aset pelaburan						
Tunai dan bersamaan tunai	3.5	159,182,699	159,182,699	3	139,934,695	139,934,695

Nilai saksama

Instrumen kewangan diiktiraf

Bagi tunai dan bersamaan tunai dan pelbagai pemiutang, nilai dibawa adalah hampir sama dengan nilai saksama memandangkan instrumen kewangan ini bersifat jangka pendek.

Para Anggota Suruhanjaya berpendapat bahawa ianya tidak praktikal untuk menentukan nilai saksama bagi pelaburan jangka panjang memandangkan kos terlibat bagi menganggar penilaian tersebut adalah melebihi manfaatnya.



**Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)**

Tingkat 13, Menara TH Perdana
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : 603-2612 5400
Faks : 603-2693 7791
Emel : info@st.gov.my
Url : www.st.gov.my